



YAMAHA

OWNER'S MANUAL

MT
09

MTN850-A

B2K-F8199-30

Pengenalan

Selamat datang ke dunia motosikal Yamaha!

Sebagai pemilik motosikal MTN850-A, anda bermanfaat daripada Yamaha dari segi pengalaman yang amat luas dan teknologi yang terbaru terhadap reka bentuk dan pengeluaran produk yang berkualiti tinggi, di mana ianya memberikan Yamaha reputasi yang benar-benar boleh diharapkan.

Sila luangkan masa untuk membaca buku panduan ini, supaya dapat mengetahui kesemua kelebihan dan keistimewaan motosikal MTN850-A. Buku panduan ini bukan hanya memberitahu bagaimana untuk menyelenggara, memeriksa dan penjagaan motosikal, tetapi juga bagaimana untuk melindungi diri dan orang lain daripada masalah dan kecederaan.

Sebagai tambahan, banyak panduan-panduan yang di berikan di dalam buku panduan ini, akan membantu anda untuk mengekalkan keadaan motosikal anda dalam keadaan yang terbaik. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi wakil penjual Yamaha.

Pihak Yamaha, mendoakan semoga perjalanan anda selamat dan menyeronokkan. Oleh itu, ingatlah untuk mengutamakan keselamatan!. Yamaha akan terus mencari kemajuan dalam rekabentuk dan kualiti produk. Oleh itu, ianya mengandungi informasi yang terkini semasa buku panduan ini dicetak, ia mungkin mengandungi sedikit perselisihan informasi antara motosikal dan buku panduan. Jika terdapat pertanyaan mengenai buku panduan ini, sila hubungi wakil Yamaha.

AMARAN

Sila baca buku ini dengan teliti dan lengkap sebelum mengendali motosikal ini.

MAKLUMAT PENTING PEMANDUAN

Maklumat penting di dalam buku panduan ini dapat dikelaskan dengan simbol seperti berikut:

| | |
|---|---|
|  | Ini simbol keselamatan berjaga-jaga. Untuk memberitahu mengenai risiko kemungkinan kemalangan. Patuhi semua meseg yang mempunyai simbol ini untuk mengelak daripada kemalangan atau kematian. |
|  AMARAN | AMARAN menandakan risiko dimana, jika tidak dielak, mungkin menyebabkan kecederaan serius atau kematian. |
| PERHATIAN | PERHATIAN menandakan tindakan berjaga-jaga yang perlu diambil untuk mengelak daripada kerosakan pada motosikal atau harta benda lain. |
| TIP | TIP memberikan maklumat penting untuk memudahkan atau menjelaskan langkah-langkah pengendalian motosikal. |

*Produk dan spesifikasi boleh ditukar tanpa notis.

MAKLUMAT PENTING PEMANDUAN



MTN850-A
BUKU PANDUAN PEMILIK
©2018 oleh Yamaha Motor Co., Ltd.
Cetakan Pertama, Ogos 2018
Hak cipta terpelihara.
Tidak boleh diterbitkan semula, disimpan
dalam cara yang boleh digunakan lagi,
ataupun digunakan lagi, tanpa izin
terlebih dahulu dari
Yamaha Motor Co., Ltd
Dicetak di Malaysia

Isi Kandungan

| | | | | | |
|--|------|--|------|--|------|
| Maklumat Keselamatan | 1-1 | Penyelarasan penyerap hentak..... | 4-23 | Elemen penapis udara..... | 7-18 |
| Keterangan | 2-1 | Tali pemegang barang..... | 4-24 | Memeriksa hadlaju tanpa gerak..... | 7-18 |
| Pandangan kiri..... | 2-1 | Sambungan DC tambahan..... | 4-25 | Memeriksa pemegang pendikit | - |
| Pandangan kanan..... | 2-2 | Pangsi sisi..... | 4-25 | gerak bebas..... | 7-19 |
| Alatan dan kawalan..... | 2-3 | Sistem permotongan litar injak..... | 4-26 | Jarak bebas injap..... | 7-19 |
| Ciri-ciri istimewa | 3-1 | Pemeriksaan untuk keselamatan - | - | Tayar..... | 7-19 |
| Mod-D (mod pandu)..... | 3-1 | sebelum menunggang | 5-1 | Roda cast..... | 7-19 |
| Sistem kawalan cengkaman..... | 3-2 | Operasi dan panduan penting - | - | Penyelarasan tuil pencengkam | - |
| Sistem kawalan shif..... | 3-3 | penunggangan | 6-1 | gerak bebas..... | 7-22 |
| Alatan dan fungsi kawalan | 4-1 | Menghidupkan enjin..... | 6-1 | Memeriksa pedal brek | - |
| Sistem peranti pelumpuh..... | 4-1 | Peralihan..... | 6-2 | gerak bebas..... | 7-23 |
| Suis utama/kunci stering..... | 4-2 | Tips mengurangkan penggunaan | - | Suis lampu brek..... | 7-23 |
| Suis handlebar..... | 4-4 | bahan api..... | 6-3 | Memeriksa pads brek depan | - |
| Lampu penunjuk/lampu amaran..... | 4-5 | Pemulaan pengoperasian enjin..... | 6-3 | dan belakang..... | 7-23 |
| Unit meter pelbagai fungsi..... | 4-8 | Parkir..... | 6-4 | Memeriksa paras cecair brek..... | 7-23 |
| Tuil pencengkam..... | 4-14 | Penyelenggaran berkala dan - | - | Penukaran cecair brek..... | 7-24 |
| Pedal penukaran gear..... | 4-14 | penyelarasan | 7-1 | Kekenduran rantai pemancu..... | 7-26 |
| Tuil brek..... | 4-14 | Beg alatan pemilik..... | 7-2 | Membersih dan melincir rantai | - |
| Pedal brek..... | 4-15 | Carta penyelenggaran berkala untuk | - | pemancu..... | 7-28 |
| ABS..... | 4-15 | sistem kawalan pelepasan..... | 7-3 | Memeriksa dan melincir kabel..... | 7-28 |
| Penutup tangki bahan api..... | 4-16 | Penyelenggaran Am dan | - | Memeriksa dan melincir pemegang | - |
| Bahan api..... | 4-17 | penlinciran..... | 7-5 | pendikit dan kabel..... | 7-29 |
| Hos penafasan tangki bahan api | - | Penanggalan dan pemasangan | - | Memeriksa dan melincir brek dan | - |
| dan hos melimpah..... | 4-19 | panel..... | 7-9 | pedal penukaran gear..... | 7-29 |
| Penukaran catalytic..... | 4-19 | Memeriksa palam pencucuh..... | 7-10 | Memeriksa dan melincir brek dan | - |
| Tempat duduk..... | 4-20 | Kanister..... | 7-11 | tuil pencengkam..... | 7-30 |
| Ruang Penyimpanan | 4-20 | Minyak enjin dan elemen penapis | - | Memeriksa dan melincir pansi sisi..... | 7-30 |
| Penyelarasan cabang hadapan..... | 4-21 | minyak..... | 7-12 | | |
| | | Penyejuk enjin..... | 7-15 | | |

Isi Kandungan

| | |
|---|-------------|
| Pelinciran paksi swingarm..... | 7-31 |
| Memeriksa cabang hadapan..... | 7-31 |
| Memeriksa stereng..... | 7-32 |
| Memeriksa galas roda..... | 7-32 |
| Bateri..... | 7-32 |
| Menggantikan fius..... | 7-34 |
| Lampu kenderaan..... | 7-36 |
| Menukar mentol lampu isyarat..... | 7-37 |
| Sokongan terhadap motorsikal..... | 7-37 |
| Penentuan masalah..... | 7-38 |
| Carta penentuan masalah..... | 7-39 |
| Penjagaan dan penyimpanan motosikal..... | - |
| Penjagaan warna matte..... | 8-1 |
| Penjagaan..... | 8-1 |
| Tempat simpanan barang..... | 8-3 |
| Spesifikasi..... | 9-1 |
| Maklumat pengguna..... | 10-1 |
| Nombor pengenalan..... | 10-1 |
| Penyambung dinostik | 10-2 |
| Data kendereaan..... | 10-2 |
| Index..... | 11-1 |

⚠ Maklumat keselamatan

1

Jadilah Pengguna yang Bertanggungjawab

Sebagai pengguna motosikal, anda bertanggungjawab ke atas keselamatan dan pengendalian motosikal yang betul. Motosikal adalah kenderaan satulaluan. Keselamatan dan pengendalian motosikal bergantung kepada teknik penunggangan yang betul dan juga kemahiran penunggang. Setiap penunggang motosikal harus tahu keperluan seperti berikut sebelum menunggang motosikal.

Anda perlu:

- Memperolehi arahan yang lengkap dari sumber yang betul dalam semua aspek pengendalian motosikal.
- Sentiasa berwaspada dengan tanda amaran dan keperluan penjagaan di dalam buku panduan.
- Memperoleh latihan dalam teknik penunggangan yang betul dan selamat.
- Memperolehi teknikal servis yang profesional seperti yang ditunjukkan di dalam buku panduan dan/atau jika diperlukan oleh keadaan mekanikal.

- Jangan menunggang motosikal tanpa mengikuti khusus latihan dan ajaran yang betul. Penunggang yang baru mesti mendapat latihan daripada pelatih yang disahkan. Sila hubungi pengedar motosikal untuk mandapat maklumat tentang khursus latihan yang berdekatan

Penunggangan selamat

Lakukan pemeriksaan kendalian setiap kali ingin menggunakan motosikal untuk memastikan ianya dalam keadaan yang selamat. Kegagalan untuk memeriksa dan mengekalkan motosikal dalam keadaan baik memungkinkan kemalangan atau kerosakan peralatan. Lihat muka surat 5-1 untuk senarai pemeriksaan kendalian.

- Motosikal ini direka untuk membawa penunggang dan penumpang.
- Kegagalan pemandu kenderaan untuk mengesan dan mengenai pasti motosikal dijalannya adalah punca utama kemalangan kenderaan/motosikal. Kebanyakkan kemalangan disebabkan pemandu kenderaan yang tidak perasan kewujupan motosikal. Pastikan penunggang menunggang dalam keadaan yang mudah dilihat untuk mengelakkan kemalangan.

Oleh itu:

- Pakai jaket yang berwarna terang.

• Lebih berhati-hati apabila mengham-piri atau melalui persimpangan tempat yang sentiasa berlakunya kemalangan motosikal.

• Menunggang diruang yang dapat dilihat oleh pemandu kenderaan. Elakkan daripada menunggang di ruang yang terhalang daripada pemandangan pemandu kenderaan.

• Jangan sekali membuat sebarang penyenggaraan tanpa pengetahuan motosikal. Dapatkan bantuan pengedar motosikal untuk membantu anda dalam penyelenggaraan mudah. Sesetengah penyelenggaraan hanya boleh dilakukan oleh kakitangan yang beriktiraf sahaja.

• Kebanyakan kemalangan melibatkan penunggang yang tidak berpegala-man. Pada hakikatnya, kebanyakkan penunggang yang terlibat dalam kemalangan tidak mempunyai lesen menunggang motosikal.

• Pastikan bahawa anda berkelayak-kan dan meminjamkan motosikal hanya kepada pengendali yang berkelayakkannya sahaja.

• Mengetahui kemahiran dan ke-mampuan. Menunggang dengan kemampuan akan dapat mengelak-kan diri dari kemalangan.

• Kami mencadangkan supaya lati-



Maklumat keselamatan

- han menunggang di jalan raya yang tidak sibuk sehingga sudah bersedia dan dapat membiasakan diri dengan motosikal dan dapat mengawal kendaliannya sebaik mungkin.
- Kebanyakan kemalangan berlaku disebabkan kesilapan penunggang motosikal. Salah satu kesalahan yang sering dilakukan oleh penunggang motosikal ialah semasa membekol memakan laluan yang lebih dari yang sepatuhnya, dengan kelajuan tinggi atau diluar kawalan (tidak cukup kecondongan sudut dalam kelajuan tinggi).
 - Sentiasa mematuhi had kelajuan dan jangan merandu dengan kelajuan lebih daripada yang dibenarkan di jalanraya dan keadaan lalulintas.
 - Sentiasa memberikan lampu isyarat sebelum membekol atau menukar laluan. Pastikan agar pemandu kereta lain boleh melihat anda.
- Cara duduk tubuh badan penunggang dan penumpang adalah penting untuk pemanduan yang betul.
 - Penunggang harus sentiasa menetapkan kedudukan kedua-dua tangan di handlebar dan kedua-dua kaki di tempat rehat kaki penunggang untuk mengekalkan kawalan motosikal.
 - Penumpang harus sentiasa memegang penunggang motosikal atau bar pemegang dengan kedua-dua tangannya (jika ada)

kedua-dua kaki sentiasa letak diatas tempat rehat kaki penumpang. Jangan mengambil penumpang sehingga pembonceng dapat meletakkan kaki pada tempat rehat kaki dengan kemas.

- Jangan menunggang di bawah pengaruh alkohol atau dadah.
- Motosikal ini hanya dicipta untuk ditunggang diatas jalan raya sahaja.

Pemakaian perlindungan

Kebanyakan kematiian yang berlaku dalam kemalangan motosikal adalah disebabkan oleh kecederaan pada bahagian kepala. Penggunaan topi keledar keselamatan adalah satu faktor penting dalam mengelakkan atau mengurangkan kecederaan di bahagian itu.

- Sentiasa memakai topi keledar yang diluluskan.
- Memakai pelindung muka atau pelindung mata. Jika tidak memakai pelindung mata, angin yang masuk kedalam mata boleh mengaburi penglihatan daripada melihat keadaan yang berbahaya.
- Penggunaan jaket, but yang berat, seluar panjang, sarung tangan, dan lain-lain adalah berkesan untuk mengelak atau mengurangkan luka akibat geseran atau kecederaan.
- Jangan memakai pakaian yang longgar, ianya boleh mempengaruhi kawalan tuil, kedudukan kaki, atau roda dan seterusnya menyebabkan kecederaan atau kemalangan.

- Sentiasa memakai pakaian yang dapat melindungi kaki, buku lali dan tapak kaki. Enjin dan ekzos akan menjadi panas apabila atau selepas motosikal digunakan dan boleh menyebabkan kulit melecur.
- Penumpang juga haruslah mematuhi arahan keselamatan seperti di atas.

Elakkan Keracunan Karbon Monoksida

Semua ekzos pada enjin mengandungi karbon monoksida, gas yang mendatangkan maut. Bernafas dalam udara yang mengandungi karbon monoksida menyebabkan sakit kepala, pening, sesak nafas, rasa loya, kebingungan dan berkemungkinan mendatangkan maut.

Karbon monoksida tidak berwarna, tidak berbau dan tiada rasa jika ada disekitaran walaupun anda tidak lihat atau bau asap ekzos. Tahap bahaya karbon monoksida boleh meningkat dengan cepat dan boleh menjadikan kehilangan kawalan diri dalam masa yang singkat. Juga, gas ini boleh berada dalam ruang yang mempunyai pengudaraan yang lemah selama beberapa jam atau mungkin beberapa hari. Jika anda mengalami simptom-simtom keracunan gas karbon monoksida ini, tinggalkan kawasan itu secepat mungkin, dapatkan udara yang segar, dan DAPATKAN RAWATAN PERUBATAN.

Maklumat keselamatan

- Jangan hidupkan enjin di dalam kawasan tertutup. Walaupun menggunakan kipas ataupun membuka tingkap dan pintu untuk pengudaraan, karbon monoksida boleh meningkat ke paras bahaya dengan cepat.
- Jangan hidupkan enjin dalam ruang yang mempunyai pengudaraan yang lemah dan kawasan yang separa tertutup seperti garaj, bangsal atau tempat letak kereta yang berbungkung.
- Jangan biarkan enjin hidup di kawasan luar yang boleh menyebabkan asap ekzos memasuki bangunan melalui tingkap ataupun pintu.

Muatan

Menambah muatan atau alatan tambahan pada motosikal boleh menjelaskan ketabilan dan kawalan sekiranya pengagihan berat berbeza. Untuk mengelak kemungkinan-kemungkinan berlakunya kemalangan, berhati-hati semasa menambah alatan tambahan atau muatan dan pemanduan yang cermat. Disini, disediakan informasi mengenai alatan tambahan dan panduan am untuk diikuti apabila menambah muatan pada motosikal:

Jumlah berat penunggang, penumpang, alatan tambahan dan muatan tidak boleh melebihi berat maksimum yang telah ditetapkan.

Pengendalian yang melebihi muatan boleh menyebabkan kemalangan.

Muatan Maximum:

174 kg (384 lb)

Apabila membawa muatan dengan berat yang ditetapkan, sentiasa mengikuti arahan berikut:

- Berat muatan dan alat kelengkapan sepatutnya dikekalkan rendah dan dekat dengan motosikal seboleh mungkin. Pastikan pengagihan berat diantara kedua-dua belah sisi motosikal anda adalah seimbang untuk mengurangkan ketidakseimbangan atau ketidakstabilan.
- Penukaran berat boleh membuatkan ketidakseimbangan secara tiba-tiba. Pastikan alat kelengkapan dan muatan diletakkan dengan baik pada motosikal sebelum ditunggang. Sentiasa periksa ikatan kesemua alat kelengkapan dan muatan.

- Melaras suspensi bersesuaian dengan berat muatan (untuk model penyelerasan suspensi saja), dan periksa tekanan angin dan keadaan tayar.

- Jangan letakkan sesuatu yang besar atau berat pada handlebar, cabang hadapan atau paparan hadapan. Kesemua alat ini, termasuk muatan seperti beg tidur, beg berbulu tebal, atau khemah, boleh menyebabkan ketidakstabilan pengawalan atau tindakbalas pemanduan yang perlahan.

- Motosikal ini tidak direka untuk menarik kenderaan lain atau dipasang kereta penumpang di sebelah.**

Alatan Tambahan Tulen Yamaha

Pemilihan alatan tambahan untuk motosikal anda adalah keputusan yang penting. Alatan tambahan tulen yang hanya ada pada wakil Yamaha telahpun direka, diuji dan diluluskan oleh Yamaha untuk kegunaan motosikal anda. Banyak syarikat yang tiada jalinan dengan Yamaha mengeluarkan komponen dan alatan tambahan atau memberikan pengubahsuaiannya pada motosikal Yamaha. Yamaha tidak akan menguji produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat lain.



Maklumat keselamatan

Oleh itu,Yamaha tidak menggalakkan pemasangan alatan ataupun pengubahsuai motosikal yang tidak dikeluarkan dan dijual oleh Yamaha, walaupun ia dijual dan dipasang oleh wakil Yamaha.

Barangan Selepas Pasaran, Alatan Tambahan dan Pengubahsuai

Anda mungkin dapat jumpa produk-produk barangan selepas pasaran yang seakan-akan sama bentuk dan kualiti dengan alatan tambahan tulen Yamaha, menyedari sesetengah alatan tambahan selepas pasaran atau pengubahsuai tidak sesuai disebabkan oleh risiko keselamatan kepada penunggang atau orang lain. Memasang produk selepas pasaran ataupun membuat modifikasi pada motosikal dengan mengubah bentuk dan pengendalian motosikal boleh mendatangkan risiko yang tinggi untuk cedera atau kematian pada penunggang dan orang lain. Anda bertanggungjawab pada kecederaaan berkenaan berikutan pengubahsuai pada motosikal.

Ingin panduan berikut dan juga yang telah diberikan pada bahagian 'Bebanan' apabila memasang alatan tambahan.

- Jangan memasang alatan tambahan atau membawa muatan yang boleh menjejaskan prestasi motosikal.

Berhati-hati untuk memeriksa alatan tambahan sebelum menggunakan untuk memastikan iaanya tidak menghalang kelepasan ruang tanah, kelancaran selekeh atau menghalang operasi suspensi, pergerakan stereng ataupun pengendalian kawalan atau kemalapan lampu dan pemantulan cahaya.

- Alatan tambahan yang dipasang pada handlebar ataupun pada cabang hadapan menjadikan motosikal tidak stabil dan menyebabkan pengagihan beban dan daya gerakan yang tidak seimbang. Jika alatan tambahan perlu dipasang pada handlebar atau pada cabang hadapan pastikan ia tidak mempunyai berat yang berlebihan.
- Alatan tambahan yang besar dan mengambil banyak ruang memberi kesan yang serius dalam ketabilan motosikal disebabkan oleh daya gerakannya. Angin kuat akan menolak motosikal dan menjadikannya tidak stabil. Alatan tambahan yang besar juga akan menyebabkan motosikal menjadi hilang keseimbangan sekiranya semasa memotong atau dipotong oleh kenderaan besar.
- Sesetengah alatan tambahan boleh menyebabkan penunggang berada pada posisi tunggangan yang tidak sepatutnya.

Ketidaksesuaian ini menghadkan pergerakan penunggang. Oleh itu, alatan tambahan tidak galakkan.

- Berhati-hati semasa memasang alatan tambahan elektrikal. Jika alatan tambahan elektrikal ini melangkaui kapasiti sistem elektrik motosikal, ia mungkin akan menyebabkan kegagalan elektrik, lampu tidak berfungsi atau kegagalan kuasa enjin.

Barangan Selepas Pasaran, Tayar dan Rim

Tayar dan rim yang dipasang besama motosikal anda adalah direka khas untuk membolehkan motosikal anda berfungsi pada tahap yang tertinggi, serta memberikan kombinasi terbaik dari segi pengendalian, brek dan juga untuk keseloesaan. Kombinasi tayar serta rim yang berlain saiz berkemungkinan tidak sesuai untuk dipasang pada motosikal anda. Sila rujuk muka surat 7-19 untuk memperolehi maklumat lanjut tentang spesifikasi tayar yang digunakan serta langkah-langkah untuk mengantikan tayar.

Mengangkat Motosikal anda:


Pastikan anda mengikut arahan-arahan yang tertera terlebih dahulu sebelum mengangkat motosikal anda dengan menggunakan kenderaan lain.

- Keluarkan semua alatan yang longgor daripada motosikal anda terlebih dahulu.

⚠ Maklumat keselamatan

- Periksa gambus penutup tangki bahan api (jika dilengkapi) berada dalam posisi "OFF" dan pastikan ia tidak mempunyai bocoran bahan api.
- Arahkan roda depan lurus ke depan trailer atau di atas lori, dan selitkan roda kedalam sebuah rail kecil untuk mencegah gerakan.
- Masukkan dalam gear (untuk model yang mempunyai sistem gear manual sahaja).
- Pastikan motosikal anda diikat dengan selamat pada bahagian yang penting seperti pada rangka motosikal atau pada atas cabang hadapan motosikal dan bukan pada pemegang getah motosikal, tuil lampu isyarat atau pada bahagian lain yang mudah patah. Sila pilih lokasi yang sesuai untuk mengikat motosikal anda pada kenderaan lain, supaya tidak berlakunya geseran pada bahagian motosikal yang telah dicat semasa diangkut.
- Penggantungan motosikal seharusnya dimampat dengan menggunakan tali supaya motosikal anda akan berada dalam keadaan yang stabil ketika diangkut.

Pandangan kiri




1. Bolt penyelarasan bebanan spring cabang depan (muka surat 4-21)
2. Skru penyelarasan kuasa damping penyerap hentak
(muka surat 4-21)
3. Skru penyelarasan kuasa damping penyerap hentak (muka surat 4-23)
4. Tempat duduk (muka surat 4-20)
5. Kotak fuis 2 (muka surat 7-34)
6. Fuis utama (muka surat 7-34)
7. Sistem fuis bahan api injap (muka surat 7-34)
8. Tempat penyimpanan (muka surat 4-20)
9. Cincin penyelarasan bebanan spring penyerap hentak (muka surat 4-23)
10. Pedal penukaran gear (muka surat 4-14)
11. Bolt buangan minyak enjin (muka surat 7-12)
12. Bolt buangan penyejuk (muka surat 7-16)

Keterangan

Pandangan kanan


2



1. Penutup tangki bahan api (muka surat 4-16)
2. Bolt penyelarasan bebanan spring cabang depan (muka surat 4-21)
3. Skru penyelarasan kuasa damping cabang depan (muka surat 4-21)
4. Kotak fuis 1 (muka surat 7-34)
5. Takungan penyejuk (muka surat 7-15)
6. Tingkap pemeriksaan paras minyak enjin (muka surat 7-12)
7. Penutup isi minyak enjin (muka surat 7-12)
8. Pedal break (muka surat 4-15)
9. Suis brek lampu belakang (muka surat 7-23)
10. Takungan cecair brek belakang (muka surat 7-24)

Alatan dan Kawalan

2



1. Tuil pencengkam (muka surat 4-14)
2. Suis handlebar kiri (muka surat 4-4)
3. Suis utama/pengunci stereng (muka surat 4-2)
4. Unit meter pelbagai fungsi (muka surat 4-8)
5. Tankungan cecair brek depan (muka surat 7-24)
6. Suis handlebar kanan (muka surat 4-4)
7. Pemegang pendikit (muka surat 7-19)
8. Tuil brek (muka surat 4-14)

Fungsi Istimewa


Mod-D (mod menunggang)

Mod-D adalah sistem kelancaran elektronik bagi enjin dengan tiga mod pilihan ("STD", "A", and "B").



Jangan menukar mod memandu ketika kenderaan sedang bergerak.

3



1. Suis menukar mode memandu "MODE"

Apabila pemegang throttle ditutup, tekan suis untuk menukar mod mengikut susuan dan berikut : STD → A → B → STD

TIP

- Pastikan anda memahami semua mod memandu yang disediakan.

- Mod yang dipilih akan dipaparkan pada skrin mod penunggang (muka surat 4-10).
- Mod semasa akan disimpan dalam memori kenderaan apabila enjin dimatikan.

Mod 'STD'

Mod STD adalah sesuai digunakan untuk menunggang pada pelbagai situasi.

Mod ini membolehkan penunggang menikmati sesi penungganan yang lancar serta selesa dan pada kelajuan yang rendah sehingga tinggi.

Mod "A"

Mod "A" menyediakan kelajuan enjin yang lebih cekap berbanding dengan mod "STD" terutamanya dari kelajuan yang rendah hingga ke pertengahan kelajuan.

Mod "B"

Mod "B" menyediakan respon yang kurang tajam berbanding dengan mod "STD" untuk keadaan yang memerlukan operasi pencengkam dengan lebih terlitih.

Sistem kawalan cengkaman

Sistem kawalan cengkaman dapat membantu mengekalkan cengkaman apabila melalui jalan licin seperti jalan yang tidak bertar atau jalan basah. Jika pengesan dapat mengesan roda belakang mula tergelincir, sistem kawalan cengkaman akan mula betindak dengan memberi lebih kuasa kawalan enjin sampai sehingga kenderaan dapat di kawal. Penunjuk/amaran "TCS" akan berlepas untuk memberitahu penunggang bahawa kawalan cengkaman sudah diaktifkan.




AMARAN

Sistem kawalan cengkaman bukan pengganti bagi penungganan yang tidak sewajarnya. Kawalan cengkaman tidak dapat menolong jika pada laju yang melampaui apabila memblok atau semasa pecutan tinggi apabila membuat lenkongan yang tajam atau semasa menekan brek dan tidak dapat menolong jika roda depan tergelincir. Seperti mana-mana motosikal juga, adalah dinasihatkan supaya berhati-hati apabila menunggang pada permukaan yang licin dan kalau boleh elakan diri dari menunggang pada permukaan seperti berikut.

Fungsi Istimewa

Penyelarasian sistem kawalan cengkaman



1. Suis sistem kawalan cengkaman "TCS"

Apabila pendikit ditutup, tekan suis ke bawah untuk tukar dari TCS "1" kepada TCS "2". Tekan ke atas untuk tukar dari "2" ke "1".

Apabila kenderaan berhenti, tekan suis keatas selama 2 saat untuk matikan sistem. Tekan kebawah semula untuk aktifkan sistem.

TIP

- Setting TCS semasa ditunjukkan pada paparan TCS (muka surat 4-10)
- Sistem kawalan cengkaman boleh diaktifkan atau dimatikan hanya bila kenderaan berhenti.
- Apabila kunci dipusingkan ke 'ON', sistem kawalan cengkaman akan diaktifkan dan disetkan ke "1" atau "2" (mengikut mana yang terakhir ditetapkan)

- Matikan sistem kawalan cengkaman untuk membebaskan roda belakang jika kenderaan tersebut pada permukaan yang lembut seperti lumpur atau pasir.

TCS "OFF"


TCS "OFF" untuk sistem kawalan cengkaman dimatikan.

TCS "1"

TCS "1" dapat mengurangkan bantuan daripada sistem kawalan cengkaman.

TCS "2"

TCS "2" sistem kawalan cengkaman disetkan ke tahap maximum di mana putaran roda dapat dikawal dengan sepenuhnya.



- Lampu penunjuk sistem kawalan kuasa cengkaman "TCS"
- Lampu amaran masalah enjin "EX"

Lampu penunjuk "TCS" akan berkelip apabila sistem kawalan cengkaman diaktifkan. Anda akan mendapat perubahan pada enjin dan bunyi ekzos apabila sistem diaktifkan.

Apabila sistem kawalan cengkaman disetkan ke "OFF", lampu "TCS" akan menyala.

PERHATIAN

Hanya gunakan tayar yang dikhaskan. (muka surat 7-19). Menggunakan tayar yang berlainan siaz akan menghalang sistem daripada mengawal putaran tayar dengan sempurna.

Fungsi Istimewa

3

Set semula sistem kawalan cengkaman

Sistem kawalan cengkaman akan dimatikan secara automatik apabila:

- Tayar depan atau belakang terlepas dari permukaan tanah.
- Tayar belakang dikesan berputar dengan terlalu laju ketika memandu.
- Apabila mana-mana tayar dikesan berputar apabila kunci dimasukkan ke "ON" (contoh, semasa melakukan penyelarasan motosikal).

Jika sistem kawalan cengkaman telah dimatikan, kedua-dua lampu penunjuk "TCS" dan lampu amaran "跛" akan menyala.

Jika berlaku, cuba set semula sistem seperti berikut:

1. Hentikan kenderaan and set kunci ke "OFF".
2. Tunggu beberapa saat kemudian pusingkan balik ke "ON".
3. Lampu penunjuk "TCS" akan dipadam dan sistem diakifitkan.

TIP

Jika lampu "TCS" masih menyala selepas diset semula, motosikal masih boleh dipandu tetapi pastikan perlu diperiksa oleh wakil Yamaha secepat mungkin.

4. Sila pastikan wakil Yamaha periksa dan matikan lampu amaran "跛"

Sistem shif pantas


Sistem shif pantas (QS) membolehkan penggunaan pendikit penuh kuasa, klac tanpa tuil, pertukan shif elektronik pantas. Apabila suis shif megesan pergerakan dalam pedal (muka surat 4-14), kuasa enjin dan tork panduan akan disesuaikan secara automatik untuk membolehkan upshif berlaku

TIP

- Sistem shif pantas beoperasi apabila kenderaan dipandu pada kelajuan 20km/h (12 mi/h) dengan kelajuan enjin 2300 r/min atau lebih tinggi dan hanya apabila motosikal sedang memecut.
- Tidak berfungsi apabila tuil ditarik.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

Sistem Peranti Pelumpuh



1. Kunci Kod pendaftaran semula (bow merah)
2. Kunci standard (bow hitam)

Motosikal ini dilengkapi dengan sistem peranti pelumpuh untuk mengelakkan dari kecurian dengan kegunaan kod kunci pendaftaran.

Sistem ini mengandungi:

- kunci kod pendaftaran semula (bow merah).
- dua kunci standard (bow hitam) yang boleh didaftarkan semula dengan kod baru.
- transponder (yang dipasang bersama kunci kod pendaftaran).
- Unit Peranti Pelumpuh
- satu ECU
- lampu isyarat sistem peranti pelumpuh (sila rujuk muka surat 4-6)

Kunci bow yang berwarna merah digunakan untuk membuat pendaftaran di setiap kunci standard. Oleh sebab proses pendaftaran semula merupakan proses yang sukar untuk dilakukan, jadi anda dinasihatkan supaya membawa motosikal anda bersama-sama tiga buah kunci kepada wakil Yamaha untuk membuat kerja mendaftarkan semula. Jangan menggunakan kunci yang mempunyai bow berwarna merah untuk menunggang. Kunci tersebut hanya digunakan untuk proses pendaftaran semula sahaja. Selalu guna kunci standard untuk menunggang.

PERHATIAN

- **JANGAN HILANGKAN KUNCI KOD PENDAFTARAN ANDA. SILA HUBUNGI WAKIL YAMAHA ANDA SEKIRANYA KUNCI ANDA HILANG.** Jika kunci kod Pendaftaran semula anda hilang, pendaftaran kod semula pada kunci standard adalah mustahil. Kunci standard masih boleh digunakan untuk men hidupkan motosikal, tetapi jika kod pendaftaran diperlukan (contohnya jika kunci standard yang baharu dibuat atau semua kunci sudah hilang) seluruh sistem peranti pelumpuh haruslah diganti semula. Oleh itu dinasihatkan menggunakan kunci standard saja dan menyimpan kunci kod pendaftaran di tempat yang selamat.
- **Jangan rendamkan kunci anda di dalam air.**
- **Jangan terdedah kunci pada suhu yang tinggi.**
- **Jangan meletakkan kunci dekat dengan magnet (ini termasuk tetapi bukan hanya terhad kepada produk seperti pembesar suara dan sebagainya)**
- **Jangan meletakkan barang yang memancar gelombang elektrik bersama kunci anda.**
- **Jangan meletakkan barang yang berat diatas kunci.**
- **Jangan menukar reka bentuk kunci anda.**
- **Jangan megeluarkan bahagian-bahagian plastik pada kunci anda.**
- **Jangan meletakkan dua kunci yang mempunyai sistem peranti pelumpuh pada kunci rantai yang sama.**
- **Simpan kunci standard serta kunci sistem peranti pelumpuh yang lain jauh daripada kunci kod pendaftaran semula.**
- **Simpan kunci sistem peranti pelumpuh yang lain jauh daripada suis utama kerana boleh menyebabkan gangguan signal.**

Alatan Dan Fungsi Kawalan

4

Suis utama/Kunci stereng



Suis utama/kunci stereng mengawal menghidupkan engine dan sistem lampu, juga untuk mengunci stereng. Posisi untuk setiap satu adalah tertara dibawah.

TIP

Pastikan anda menggunakan kunci standard (bow hitam) untuk kegunaan am. Risiko kehilangan kunci kod pendaftaran (bow merah), baik simpan di tempat yang selamat dan hanya menggunakan sebagai kod pendaftaran semula.

ON

Semua litar elektrik dibekalkan dengan kuasa. Lampu meter, lampu belakang, lampu papan nombor, lampu tambahan serta enjin motosikal dihidupkan. Kunci tidak dapat dikeluarkan.

TIP

Lampu hadapan akan terpasang secara automatik apabila enjin motosikal dihidupkan dan lampu tersebut akan kekal menyala sehingga kunci dipusingkan ke posisi "OFF", walaupun enjin sudah mati.

OFF

Kesemua litar elektrik akan diputuskan dan kunci boleh dikeluarkan.

! AMARAN


Jangan pusingkan kunci ke arah "OFF" atau "LOCK" semasa motosikal sedang bergerak. Jika tidak, semua litar elektrik akan terpadam dan akan menyebabkan motosikal hilang kawalan dan mungkin berlaku kemalangan.

KUNCI

Apabila stereng dikuncikan, semua litar elektrik akan dipadamkan. Kunci boleh dikeluarkan.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

Untuk mengunci stereng




1. Tekan.
2. Pusing.

1. Pusing pemegang handlebar ke arah kiri sepenuhnya.
2. Semasa kunci didalam posisi "OFF", tekankan kedalam dan kemudian pusingkan ke posisi "LOCK".
3. Keluarkan kunci.

TIP

Jika stereng tidak dapat dikunci, cuba pusingkan handlebar sedikit kearah kanan semula.

Membuka kunci stereng



1. Tekan.
2. Pusing.

Dari posisi "LOCK", tekankan kunci kedalam dan pusingkan ke posisi "OFF".

Parkir (Parkir)

Lampu amaran dan lampu isyarat boleh dinyalakan, tetapi semua sistem elektrik lain masih tertutup. Kunci boleh di keluarkan.

Stereng mesti dikunci sebelum kunci boleh ditukar ke posisi "Parkir".

PERHATIAN


Menggunakan lampu amaran atau lampu isyarat dalam jangkamasa yang panjang akan menyebabkan kuasa bateri berkurangan.

Alatan dan fungsi kawalan

Suis handlebar


Kiri

4



1. Suis melepasinya “
2. Suis pemalap/melepasinya “
3. Suis isyarat arah “
4. Suis Hon “
5. Suis sistem kawalan cengkaman “TCS”

Kanan



1. Suis Bermula/Berhenti enjin “ ”
2. Suis mod menunggang “MODE”
3. Suis amaran bahaya “

Suis melepasinya “

Tekan suis ini untuk menyinar lampu depan.

TIP

Apabila suis lampu pemalap disetkan ke “”, suis melepasinya tidak akan berfungsi

Suis Pemalap/Melepasinya “/

Setkan suis pada posisi “” untuk lampu tinggi dan “” untuk lampu rendah (Lihat muka-surat 7-36).

Suis isyarat arah “/

Untuk isyarat belok kanan, tolak suis kepada “”. Manakala untuk isyarat belok kiri tolak suis kepada “”. Apabila dilepaskan, suis akan kembali ke posisi tengah. Untuk batalkan lampu isyarat belok, tekan suis ke dalam selepas kembali ke posisi tengah

Suis hon “

Tekan suis untuk buncitkan hon.

Suis sistem kawalan cengkaman “TCS”

Lihat muka surat 3-1 untuk penjelasan tentang sistem kawalan cengkaman.

Suis Berhenti/Perjalanan/Bermulaan “//

Untuk menhidupkan enjin dengan suis penghidup, set suis kepada “” dan kemudian tekan suis kebawah “”. (Lihat muka surat 6-1 untuk mengetahui langkah-langkah menghidupkan enjin). Pada masa kecemasan, set suis kepada “” untuk berhentikan motosikal, dalam keadaan seperti motosikal terguling atau kable throttle tersangkut.

Alatan dan fungsi kawalan

Suis amaran bahaya “▲”

Apabila kunci sudah berada dalam posisi “ON” ataupun “P \leq ”, gunakan suis ini untuk menghidupkan lampu amaran bahaya (diikuti dengan kelipan daripada lampu isyarat arah)

Lampu amaran bahaya hanya digunakan pada masa kecemasan ataupun untuk memberikan amaran kepada pemandu lain apabila motosikal sudah berhenti dimana dalam situasi yang boleh membahayakan keadaan lalulintas di jalanraya.


PERHATIAN

Jangan menggunakan lampu amaran bahaya untuk jangka masa yang panjang terutamanya apabila enjin motosikal tidak berfungsi. Jika tidak kuasa bateri motosikal akan berkurangan.

Suis mod panduan “MODE”

Sila rujuk muka surat 3-1 untuk penjelasan tentang sistem mod panduan.

Lamp penunjuk dan lampu amaran



1. Pengunci sistem brek (ABS), lampu amaran “
2. Lampu sistem shif pantas “
3. Lampu penunjuk sistem kawalan cengkaman “ TCS ”
4. Lampu penunjuk isyarat ke kiri “ \leftarrow ”
5. Lampu penunjuk pancaran tinggi “ $\equiv\circ$ ”
6. Lampu penunjuk neutral “ N ”
7. Lampu amaran paras minyak “
8. Lampu amaran suhu penyejuk enjin “ \equiv ”
9. Lampu amaran masalah enjin “
10. Lampu penunjuk isyarat ke kanan “ \Rightarrow ”
11. Lampu penunjuk peranti pelumpuh “ $\neg\bullet$ ”

Lampu penunjuk isyarat arah “ $\leftarrow \rightarrow$ ”
Lampu penunjuk isyarat akan berkelip apabila lampu penunjuk arah dinyalakan.

Lampu Penunjuk Neutral “ N ”

Lampu penunjuk akan menyala apabila sistem gear berada dalam posisi neutral.

Lampu penunjuk pancaran tinggi “ $\equiv\circ$ ”

Lampu penunjuk akan menyala apabila lampu hadapan pemancar tinggi dihidupkan.

Lampu amaran paras minyak “

Lampu amaran akan menyala apabila paras minyak enjin di tahap rendah.

Litar elektrik lampu amaran boleh diperiksa dengan memusing kunci ke posisi “ON”. Lampu amaran sepatuhnya menyala untuk beberapa saat sebelum lampunya dimatikan semula.

Jika lampu amaran tidak menyala ketika kunci dipusing ke posisi “ON” atau lampu amaran terus menyala dan tidak terpadam walaupun paras minyak betul (lihat muka surat 7-10), pastikan anda mendapatkan bantuan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

TIP

- Jika paras minyak berada dalam keadaan mencukupi, lampu amaran berkemungkinan akan berkelip apabila motosikal anda ditunggang di atas jalan yang cerun, sedang memecut ataupun kelajuan dikurangkan dengan tiba-tiba. Tetapi ini bukan menunjukkan kerosakan pada motosikal anda.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

- Jika masalah dikesan pada litar pengesan paras minyak enjin, lampu amaran paras minyak akan mula berkelip. Jika berlaku, dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa kenderaan.

Lampu amaran suhu penyejuk enjin “”

4

Lampu amaran akan menyala apabila suhu enjin menjadi terlalu panas. Jika berlaku, matikan enjin dengan serta merta dan biarkan sehingga suhu enjin turun semula.

Litar elektrik lampu amaran boleh diperiksa dengan memusing kunci ke arah “ON”. Lampu amaran sepatutnya akan menyala untuk beberapa saat sebelum terpadam. Jika lampu masih tidak menyala, walaupun kunci sudah dipusingkan ke “ON” atau lampu amaran masih menyala walaupun enjin sudah dimatikan, sila hubungi wakil Yamaha untuk memeriksa litar elektirknya.

PERHATIAN

Jangan mengendalikan motosikal anda jika enjin menjadi terlalu panas.

TIP

- Untuk motosikal yang dilengkapi dengan kipas radiator, kipas akan dihidupkan secara automatik berdasarkan pada suhu enjin.
- Jika suhu enjin menjadi terlalu tinggi, sila rujuk muka surat 7-40 untuk langkah yang boleh diambil.

Lampu amaran masalah enjin “”

Lampu ini akan menyala jika terdapat masalah dengan enjin atau pada sistem kawalan kenderaan yang lain. Jika situasi ini berlaku, sila dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa sistem diagnostik kenderaan.

Litar elektrik lampu amaran dapat diperiksa dengan memusing kunci ke posisi “ON”. Lampu amaran masalah enjin sepatutnya akan menyala untuk beberapa saat sebelum terpadam. Jika lampu amaran tidak menyala atau terus menyala tanpa terpadam apabila kunci dipusingkan ke posisi “ON”, dapatkan bantuan wakil Yamaha.

Lampu amaran ABS “”

Dalam pengendalian biasa, lampu ABS akan menyala semasa kunci diputarkan ke posisi “ON” dan akan memadam apabila kelajuan mencatatkan 10km/h (6mi/h) atau lebih.

Jikalau lampu amaran ABS:

- tidak menyala apabila kunci diputarkan pada posisi “ON”.
- menyala dan berkelip-kelip semasa menunggang.
- tidak memadam walaupun kelajuan mencatat pada 10mm/h (6 mi/h) atau lebih.

Sistem ABS mungkin tidak berfungsi dengan baiknya jika sesuatu perkara diatas berlaku. Sila dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk memeriksanya. (sila rujuk muka surat 4-15 untuk pengetahuan lebih mendalam tentang ABS).

! AMARAN

Jika lampu amaran ABS tidak padam walaupun kelajuan mencatat pada 10 km/h (6 mi/h) atau lebih, atau lampu amaran mulai menyala dan berkelip-kelip apabila menunggang, sistem motosikal anda akan ditukarkan ke sistem brek konvensional. Jikalau mana-mana seperti diatas berlaku atau lampu amaran tidak menyala langsung, anda haruslah berhati-hati supaya tidak menyebabkan roda terkunci apabila membrek pada waktu kecemasan.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

4

Dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

Lampu sistem kawalan pegangan "TCS"

Dalam keadaan biasa, lampu akan berkelip apabila sistem kawalan pegangan diaktifkan.

Apabila sistem kuasa pegangan dimatikan, lampu penunjuk akan menyala.

Jika sistem kuasa pegangan dimatikan semasa memandu, lampu penunjuk dan amaran masalah enjin akan menyala.

Lampu sistem shif pantas "QS"

Apabila kunci dipusingkan ke arah "ON", sistem shif pantas (muka-surat 3-3) akan dihidupkan dan lampu penunjuk akan menyala.

Jika masalah dikesan, lampu akan dipadamkan dan sistem shif pantas tidak boleh digunakan. Sila dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa kenderaan.

Lampu penunjuk sistem peranti pelumpuh "→"

Apabila kunci dipusingkan ke posisi "OFF" dan selepas 30 saat, lampu isyarat akan mula berkelip menandakan sistem peranti pelumpuh telah diaktifkan. Selepas 24 jam, lampu isyarat akan berhenti berkelip, tetapi sistem peranti pelumpuh masih dalam keadaan aktif.

Litar elektrik untuk lampu isyarat sistem peranti pelumpuh dapat diperiksa dengan memutar kunci ke posisi "ON". Lampu isyarat sepatutnya menyala untuk seketika sebelum terpadam.

Jika lampu isyarat tidak menyala apabila kunci diputarkan ke posisi "ON", ataupun lampu isyarat kekal menyala sila dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

TIP



Jika lampu sistem kawalan cengkaman berkelip dengan perlahan untuk 5 saat dan dengan cepat untuk 2 saat, ini mungkin disebabkan oleh gangguan dari transponder. Jika berlaku sila ikuti langkah -langkah berikut.

- Pastikan tiada kunci lain yang berhampiran dengan suis utama. Kunci peranti pelumpuh lain mungkin akan menyebakan gangguan isyarat dan tidak dapat menghidupkan enjin.
- Gunakan kod pendaftaran kunci untuk menghidupkan enjin.
- Jika enjin sudah berjaya dihidupkan, matikan enjin semula dan hidupkan enjin sekali lagi dengan kunci yang biasa.
- Jika kedua-dua atau salah satu dari kunci tidak berfungsi, dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa 3 kunci tersebut untuk daftarkan semula.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

Unit meter pelbagai fungsi

4



1. Paparan gear transmisi
2. Jangkalaju
3. Penunjuk fungsi "ECO"
4. Paparan "TCS"
5. Paparan mod menunggang
6. Meter bahan api
7. Paparan unit meter pelbagai fungsi
8. Jam
9. Jangkalaju

WARNING

Pastikan anda memberhentikan motosikal anda sebelum membuat sebarang penyelarasan pada unit meter pelbagai fungsi. Membuat sebarang perubahan pada meter semasa menunggang boleh menyebabkan risiko yang tinggi dalam kemalangan.

Unit meter pelbagai fungsi ini dilengkapi dengan:

- jangkalaju
- jangkaligat
- jam
- meter bahan api
- penunjuk eco
- paparan gear transmisi
- paparan mod menunggang
- paparan "TCS"
- paparan unit meter pelbagai fungsi

TIP

- Kecuali menukar mod kecerahan atau paparan jam, pusingkan kunci ke "ON" sebelum menggunakan butang "SELECT" dan "RESET" untuk selaraskan unit meter pelbagai fungsi.
- Untuk menukar jangkalaju dan paparan unit meter pelbagai fungsi dari kilometer ke batu, tekan butang "SELECT" untuk selama 1 saat.

Alatan Dan Fungsi Kawalan


Jangkameter laju



1. Jangkameter laju

Jangkameter laju untuk menunjukkan kelajuan motosikal anda.

Jangkaligat



1. Jangkaligat


2. Jangkaligat zon merah

Jangkaligat membolehkan penunggang mengawasi kelajuan enjin dan memastikan enjin berada dalam jangka kuasa yang sesuai.

PERHATIAN

**Jangan beroperasi sehingga tahap kelajuan jangkaligat zon merah.
Zon merah: 11250 r/min dan ke atas**

Jam



1. Jam


Jam menggunakan sistem format 12jam. Apabila kunci tidak berada dalam posisi "ON", jam boleh dipaparkan apabila butang "SELECT" ditekan.

Untuk set semula jam

1. Pusingkan kunci ke posisi "ON".

2. Tekan butang "SELECT" dan "RESET" untuk 2 saat.
3. Apabila digit jam berkelip, tekan butang "RESET" untuk set digit jam.
4. Tekan butang "SELECT" dan digit minit akan berkelip.
5. Gunakan butang "RESET" untuk set semula digit minit.
6. Tekan butang "SELECT" untuk mengesahkan aturan jam serta untuk mulakan jam.

Meter bahan api



1. Meter bahan api

Meter bahan api menunjukkan kuantiti bahan api yang masih didalam tangki minyak. Bar paparan akan semakin menurun dari "F" (penuh) sehingga ke "E" (kosong) apabila bahan api semakin menurun.

Alatan Dan Fungsi Kawalan


Bila bar paparan terakhir dan lampu amaran paras minyak berkelip, pengisian haruslah dilakukan secepat mungkin.

TIP

Jika terdapat masalah pada litar elektrik, bahagian paras minyak dan " " akan mula berkelip. Jika berlaku, sila dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa kenderaan.

4

Penunjuk Eco



1. Penunjuk eco "ECO"


Penunjuk eco akan mula berfungsi bila motosikal dioperasi dalam keadaan mesra alam dan penggunaan penjimatan bahan api. Penunjuk eco akan terpadam bila motosikal berhenti.

TIP

Timbangkan perkara-perkara seperti di bawah untuk penjimatan penggunaan bahan api:

- Jauhi dari kelajuan enjin yang tinggi semasa pecut.
- Pandu dengan kelajuan yang tetap.
- Pilihlah gear transmisi yang bersesuaian.


Paparan gear transmisi



1. Paparan gear transmisi
2. Lampu penunjuk neutral "N"

Paparan transmisi gear menunjukkan gear yang dipilih. Posisi neutral akan ditunjukkan dengan lampu "—" dan lampu penunjuk neutral.


Paparan mod menunggang



1. Paparan mod menunggang

Paparan mod menunggang akan memaparkan mod yang telah dipilih: "STD", "A" or "B". Untuk keterangan lanjut tentang mod dan bagaimana memilihnya, sila rujuk muka surat 3-1.

Paparan TCS




1. Paparan TCS

Alatan Dan Fungsi Kawalan

Paparan ini akan menunjukkan sistem kawalan cengkaman yang dipilih sama ada "1", "2" atau "OFF". Untuk maklumat lanjut tentang sistem kawalan cengkaman dan cara menggunakan, sila rujuk muka surat 3-1.

Paparan pelbagai fungsi



1. Paparan pelbagai fungsi

Paparan pelbagai fungsi dilengkapi dengan:

- Jangkaligat jumlah perjalanan
- Dua jangkaligat perjalanan
- Bahan api simpanan jangkaligat perjalanan
- Penggunaan bahan api secara automatik
- Paparan purata bahan api yang digunakan
- Paparan suhu penyejuk enjin

- Paparan suhu penyerap udara
- Paparan kawalan kecerahan

TIP

- Jangkaligat jumlah perjalanan akan dikunci pada 999999 dan tidak boleh diset semula.
- Jangkaligat perjalanan akan dikunci pada 9999.9 dan boleh diset secara manual.

Tekan butang "SELECT" untuk menukar dari mod pengunaan bahan api automatik "km/L" atau "L/100 km", mod purata pengunaan bahan api "AVE_ _ km/L atau AVE_ _ L/10km, mod suhu penyejuk "°C", mod suhu penyerap udara "Air_ _ °C", mod jangkaligat jumlah perjalanan "ODO", dan mod jangkaligat perjalanan "TRIP 1" dan "TRIP 2" mengikut aturan seperti:

km/L or L/100 km → AVE_ _ km/L or AVE_ _ L/100 km → °C → Air_ _ °C
→ ODO → TRIP 1 → TRIP 2

Apabila unit paparan disetkan ke batu:
km/L, L/100 km or MPG → AVE_ _ km/L, AVE_ _ L/100 km or AVE_ _ MPG → °C → Air_ _ °C → ODO → TRIP 1 → TRIP 2 → F-TRIP

TIP

Tekan butang "RESET" untuk tukar ke paparan dalam aturan terbalik.

Jika segment terakhir meter minyak mula berkelip, paparan akan bertukar ke mod jangkaligat perjalanan untuk minyak simpanan secara automatik "F-TRIP" dan mula mengira jumlah perjalanan dari titik di situ. Jika ini berlaku, tekan butang "SELECT" untuk menukar paparan ke aturan:

F-TRIP → km/L or L/100 km → AVE_ _ km/L or AVE_ _ L/100 km → °C → Air_ _ °C → ODO → TRIP 1 → TRIP 2 → F-TRIP

Apabila unit paparan disetkan ke unit batu:

F-TRIP → km/L, L/100 km or MPG → AVE_ _ km/L, AVE_ _ L/100 km or AVE_ _ MPG → °C → Air_ _ °C → ODO → TRIP 1 → TRIP 2 → F-TRIP

TIP

- Untuk set semula jangkaligat perjalanan, tekan butang "SELECT"


Alatan Dan Fungsi Kawalan

4

kemudian tekan butang "RESET" selama 1 saat.

- Jika jangkaligat perjalanan tidak diset semula secara manual, iaanya akan diset semula secara automatik dan hilang selepas minyak diisi dan perjalanan selama 5km (3 batu).

Penggunaan bahan api berterusan



1. Paparan penggunaan bahan api berterusan

Paparan penggunaan bahan api berterusan boleh disetkan sama ada "km/L", "L/100km" atau MPG (apabila diset ke unit batu).

- "km/L": Menunjukkan jumlah perjalanan untuk 1.0L minyak.
- "L/100 km": Menunjukkan jumlah minyak yang diperlukan untuk perjalanan 100km.


- "MPG": Menunjukkan jumlah jarak yang boleh dijalani untuk 1.0 Imp.gal minyak

Untuk menukar pelbagai mod paparan penggunaan bahan api berterusan, tekan butang "SELECT" selama satu saat.

TIP

Jika kenderaan sedang bergerak dengan kelajuan 20km/h (12 mi/h), "___" akan dipaparkan..

Purata mod penggunaan minyak



1. Paparan purata penggunaan minyak

Paparan menunjukkan purata minyak yang digunakan sejak kali terakhir diset semula

Purata penggunaan minyak dapat disetkan ke sama ada "AVE ___ km/L", "AVE ___ L/100km" atau "AVE ___ MPG" (apabila disetkan ke unit batu).

- "AVE ___ km/L": Menunjukkan purata perjalanan untuk 1.0L minyak.
- "AVE ___ L/100km": Menunjukkan purata minyak yang digunakan untuk perjalanan 100km.
- "AVE ___ MPG": Menunjukkan purata perjalanan untuk 1.0Imp.gal minyak.

Untuk menukar pelbagai mod paparan purata penggunaan minyak, tekan butang "SELECT" selama satu saat. Untuk set semula purata penggunaan minyak, tekan butang "RESET" selama satu saat.


TIP

Selepas set semula purata penggunaan minyak, "___" akan dipaparkan sehingga kenderaan sudah berjalan selama 1km (0.6 mi).

Alatan Dan Fungsi Kawalan

4

Mod penunjuk suhu penyejuk




1. Paparan mod penunjuk suhu penyejuk

Paparan ini menunjukkan suhu penyejuk dari 40°C sehingga 116°C dalam setiap peningkatan 1°C . Jika mesej "HI" mula berkelip, hentikan kenderaan kemudian matikan enjin dan biarkan suhu enjin menurun. (lihat muka surat 7-40).

TIP

- Apabila suhu penyejuk adalah 40°C dan ke bawah, "Lo" akan dipaparkan.
- Suhu penyejuk bergantung kepada perubahan cuaca dan muatan enjin.

Mod suhu penyerap udara



1. Paparan suhu peyerap udara


Paparan suhu penyerap udara akan menunjukkan suhu udara yang diserap ke dalam kotak penapis udara.

Paparan menunjukkan suhu udara yang di serap dari -9°C sehingga ke 99°C untuk setiap peningkatan 1°C .

TIP

- -9°C akan dipaparkan walaupun suhu yang dikesan adalah kurang dari -9°C
- Suhu penyerap udara bergantung kepada perubahan cuaca.

Mod pengawal kecerahan



1. Paparan tahap kecerahan


Kecerahan unit panel meter pelbagai fungsi dapat diselaraskan.

Penyelaraskan kecerahan

1. Pusingkan kunci ke posisi "OFF".
2. Semasa menekan butang "SELECT", pusingkan kunci ke posisi "ON" dan teruskan menekan butang tersebut sehingga paparan bertukar ke mod pengawal kecerahan.
3. Tekan butang "RESET" untuk set semula tahap kecerahan.
4. Tekan butang "SELECT" untuk tetapkan tahap kecerahan yang dipilih dan untuk keluar dari mod kawalan kecerahan.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

Tuil pencengkam




4

1. Tuil pencengkam

Tuil pencengkam terletak di pegangan handlebar kiri. Untuk melepaskan tuil pencengkam tarik tuil kearah pegangan handlebar. Untuk mengaktifkan pencengkam tuil, lepaskan tuil. Tuil harus ditarik dengan cepat dan dilepaskan perlahan-lahan supaya operasi berjalan lancar.

Tuil pencengkam dilengkapi dengan suis pencengkam yang merupakan sebahagian dari rangkaian sistem litar memotong pengapian. (lihat muka surat 4-26).

Pedal shift




1. Pedal shift
2. Penukar shif

Pedal shift terletak di sisi kiri motosikal dan digunakan dalam kombinasi dengan tuil pencengkam ketika menukar gear 6-tahap kelajuan yang dilengkapi pada motosikal ini.

Apabila sistem shif pantas diaktifkan, penukar shif akan mengesan pergerakan dari pedal shif dan memberarkan penukar shif tanpa menggunakan tuil klac. (Lihat muka-surat 3-3).

Tuil Brek

Tuil brek terletak di pegangan handlebar kanan. Untuk melaksanakan brek hadapan, tarik tuil ke arah pendikit.




1. Tuil brek
2. Jarak diantara tuil brek dan pemegang pendikit
3. Butang penyesuaian kedudukan tuil brek
4. Tanda "△"

Tuil brek dilengkapi dengan butang penyesuaian kedudukan tuil brek. Untuk menetapkan jarak antara tuil brek dan pendikit, putar butang menyesuaikan sambil memegang tuil jauh dari pendikit. Pastikan bahawa tetapan yang sesuai pada butang penyesuaian selaras dengan tanda "△" pada tuil brek.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

4

Pedal brek



1. Pedal brek

Pedal brek berada di sisi kanan motosikal. Untuk melaksanakan brek belakang, tekan ke bawah pedal brek.

ABS

ABS Yamaha (Anti-lock Brake System) mempunyai sistem kawalan serentak elektronik, yang bertindak dibrek depan dan dibelakang secara bebas.

Kendalikan sistem brek ABS sama seperti brek konvensional. Jika sistem ABS diaktifkan, perasaan tekanan akan dirasai pada tuil brek dan pedal brek. Dalam keadaan begini, terus menekan brek untuk mengalakkan sistem ABS mulai berfungsi. Jangan sekali mengepam brek kerana ini akan menyebabkan sistem brek kurang berfungsi.

AMARAN

Sentiasa bagi ruang jarak yang mencukupi dengan kenderaan depan untuk menyesuaikan kelajuannya, walaupun sistem ABS dihidupkan.

- ABS melakukan yang terbaik pada jarak pembrekkan jauh.
- Pada permukaan tertentu, seperti jalan yang kasar atau kerikil, jarak pembrekkan ABS akan lebih jauh berbanding tanpa ABS.

Sistem ABS sentiasa diperantau oleh ECU, yang akan menukar sistemnya ke sistem konvensional jika kegagalan sistem berlaku.

Alatan Dan Fungsi Kawalan


4

TIP


- ABS akan melakukan ujian diagnosis diri setiap kali enjin motosikal dihidupkan, setelah kunci berputar kepada "ON" dan semasa motosikal mencapai kelajuan 10 km/h (6 mi/h) atau lebih. Semasa ujian ini, bunyi "clicking" akan dapat didengar dari unit kawalan hydraulic, dan jika tuil brek atau pedal brek ditekan, bahkan sedikit terapkan, getaran akan dapat dirasai di tuil dan pedal, tetapi ini tidak menunjukkan ada kerrosakan.
- Sistem ABS memiliki mode ujian yang membolehkan pemiliknya untuk merasakan denyutan di tuil brek atau pedal brek pada saat ABS beroperasi. Namun, alat-alat khusus diperlukan untuk mengendalikannya, jadi sila dapatkan wakil Yamaha untuk melakukan ujian ini.

PERHATIAN

Berhati-hati jangan merosakkan pengesan roda atau pengesan rotor roda. Jika tidak pretasi sistem ABS akan terjejas.




1. Pengesan roda depan
2. Pengesan rotor roda depan



1. Pengesan roda belakang
2. Pengesan rotor roda belakang

Penutup tangki bahan api



1. Membuka penutup
2. Penutup bahan api yang berkunci

Membuka penutup tangki bahan api

Membuka penutup tangki bahan api, masukkan kunci ke dalam, kemudian putar 1/4 ke arah jam. Penkunci akan dilepaskan dan penutup tangki bahan api boleh dibuka.

Menutup penutup tangki bahan api

1. Tekan penutup tangki bahan api ke posisinya dengan kunci dimasukkan ke lubang kunci
2. Putar kunci berlawanan jam ke posisi asal, keluarkan kunci, dan kemudian tutup penutupnya.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

TIP

Penutup tangki bahan api tidak boleh ditutup kecuali kuncinya berada di dalam lubang. Selain itu, kunci tidak boleh dikeluarkan jika penutup tidak tertutup dengan baiknya atau terkunci.

AMARAN

Pastikan penutup bahan api ditutup dengan betul-betul selepas mengisi. Kebocoran bahan api boleh menjadi punca kebakaran.


Bahan Api

Pastikan bahawa terdapat bahan api yang cukup didalam tangki.

AMARAN

Petrol dan wap petrol sangat mudah terbakar. Untuk mengelakkan risiko kebakaran dan letupan, serta untuk mengurangkan risiko kecederaan semasa mengisi bahan api, ikutilah panduan ini semasa mengisi.

1. Sebelum mengisi bahan api, matikan enjin dan pastikan bahawa tiada orang yang duduk di atas motosikal. Jangan mengisi bahan api sambil merokok atau di sekitar percikan api, api terbuka atau sumber penyalakan lain seperti lampu pilot pemanas air dan pengering pakaian.
2. Semasa mengisi jangan sampai melimpahi tangki bahan api. Ketika mengisi, pastikan anda memasukkan muncung pam ke dalam lubang suapan tangki bahan api dengan baiknya. Berhenti mengisi bila bahan api mencapai bahagian bawah tiub suapan. Kerana bahan api boleh mengembang bila panas, haba dari enjin atau matahari boleh menyebabkan bahan api untuk tumpah keluar dari tangki bahan api.



1. Tiub suapan tangki bahan api
2. Paras maksimum bahan api
3. Lapkan bahan api yang tertumpah dengan segera. **PERHATIAN:** Segera bersihkan tumpahan bahan api dengan kain yang bersih, kering dan lembut, kerana bahan api boleh merosakkan permukaan cat atau bahagian plastik.
4. Pastikan anda menutup penutup tangki bahan api dengan elok.

AMARAN

Petrol adalah beracun dan boleh menyebabkan kecederaan atau kematian. Berhati-hati bila menggunakan petrol. Jangan menyedut petrol melalui mulut. Jika anda tertelan petrol dengan banyak atau banyak menghidu wap petrol, atau terkena petrol pada mata anda, sila jumpa doktor dengan segera. Jika petrol tertumpah atas pakaian anda tukar pakaian tersebut.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

4

Bahan api yang di syorkan:

Petrol berkualiti tanpa plumbum
(Gasohol [E10] boleh terima)

Kapasiti tangki bahan api:

14 L (3.7 US gal, 3.1 Imp.gal)

Jumlah bahan api simpanan:

2.8L (0.74 US gal, 0.62 Imp.gal)

PERHATIAN

Hanya gunakan petrol tanpa plumbum. Petrol dengan plumbum akan menyebabkan kerosakan teruk pada bahagian-bahagian enjin dalam, seperti injap dan cincin piston, serta sistem pembuangan.



TIP

- Tanda ini menandakan gred minyak yang disyorkan untuk kenderaan ini yang berdasarkan pada regulasi Eropah (EN228).
- Periksa supaya nozzle minyak menggunakan pengenalan yang sama ketika mengisi minyak.


Enjin kenderaan Yamaha anda dicipta khas untuk menggunakan minyak premium tanpa plumbum dengan nombor octane 95 dan ke atas. Jika bunyi gangguan enjin, gunakan jenama yang lain. Penggunaan minyak tanpa lead akan memanjangkan jangka hayat palam pencucuh dan mengurangkan pembelanjaan servis kenderaan.

Gasohol

Terdapat dua jenis gasohol: gasohol yang mengandungi ethanol dan lagi satu methanol. Yang mengandungi ethanol boleh digunakan jika kandungannya tidak melebihi 10% (E10). Gasohol yang mengandungi methanol tidak disyorkan oleh Yamaha kerana ia akan merosakkan bahagian sistem bahan api dan bermasalah dengan prestasinya.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

Hos melimpah tangki bahan api



1. Hos melimpah tangki bahan api
2. Pengetat hos

TIP

Rujuk muka surat 7-11 untuk maklumat lanjut.

Sebelum mengoperasi motosikal:

- Periksa sambungan hos.
- Periksa setiap hos untuk retak atau rosak dan gantikannya jika perlu.
- Pastikan bahawa penhujung hos tidak disekat dan bersihkannya jika perlu.
- Pastikan bahawa penhujung hos diketakkan dengan pengetat.

Penukaran catalytic

Model ini dilengkapi dengan penukaran catalytic didalam sistem pembuangan.

AMARAN

Sistem pembuangan akan menjadi panas selepas operasi. Untuk mengelakkan dari kebakaran atau terbakar:

- Jangan meletak matosikal anda berhampiran tempat yang mudah terbakar seperti rumput atau bahan lain yang mudah terbakar.
- Letak motosikal anda di tempat di mana pejalan kaki atau kanak-kanak tidak akan menyentuh sistem pembuangan yang panas.
- Pastikan bahawa sistem pembuangan sudah sejuk sebelum melakukan kerja penyelenggaraan.
- Jangan biarkan enjin dihidupkan tanpa gerak lebih daripada beberapa minit. Pemalasan panjang boleh menyebabkan penumpukan kepanasan.

PERHATIAN

Hanya gunakan petrol tanpa plumbum. Petrol bertimbang plumbum akan menyebabkan kerosakan yang tidak dapat dipulihkan kepada penukaran catalytic.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

4

Tempat duduk

Mengeluarkan tempat duduk


1. Masukkan kunci kedalam tempat kunci, dan kemudian putar kearah berlawanan jam.



1. Kunci tempat duduk
 2. Penutup tempat duduk
 3. Membuka kunci
-
2. Semasa memegang kunci dalam posisi yang ditetapkan, angkat naik bahagian belakang tempat duduk dan kemudian menarik ia keluar.

Memasang tempat duduk penumpang

1. Masukkan unjuran ke pemegang tempat duduk seperti yang ditunjukan.




1. Unjuran
2. Pemegang tempat duduk

2. Kemudian tekan belakang tempat duduk ke bawah untuk mengunci di tempatnya.
3. Keluarkan kunci.

TIP

Pastikan tempat duduk dipasang dengan betul sebelum memandu.

Ruang penyimpanan



1. Ruang penyimpanan

Ruang penyimpanan terletak di bawah tempat duduk. (Lihat muka surat 4-20). Ketika menyimpan panduan pengguna atau yang lain di tempat ruang simpanan, pastikan anda membungkus mereka dalam beg plastik supaya tidak menjadi basah. Ketika mencuci motosikal, berhati-hatilah supaya air tidak memasuki ruang simpanan.

AMARAN

Jangan melebihi had beban maximum 174kg (384 lb) untuk kenderaan.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

Melaraskan cabang depan

AMARAN

Sentiasa laraskan beban spring di kedua-dua belah cabang depan dengan sekadarnya, jika tidak kestabilan motosikal akan terjejas.


Setiap cabang kaki depan dilengkapi dengan bolt penyelarasen beban spring. Cabang kaki depan kanan dilengkapi dengan skru penyelarasen kuasa perlepasan pulih damping dan cabang kaki kiri dilengkapi dengan skru penyelarasen kuasa tekanan pulih damping.

PERHATIAN

Untuk menghalang dari kerosakkan mekanismanya, jangan memusing sampai tahap maksima atau minima.

Beban spring

Untuk meningkat beban spring dan kuatkan suspensi, putarkan bolt penyelarasen di setiap cabang kaki mengikut arah (a). Untuk meringangkan beban spring dan melembutkan suspensi, putarkan bolt penyelarasen di setiap cabang kaki mengikut arah (b).



1. Bolt penyelarasen beban spring

Tetapan beban spring diukur mengikut jarak A, seperti yang ditunjukkan. Lebih dekat jarak A, lebih kuat beban spring dan lebih jauh jarak A, lebih rendah beban spring.

Tetapan beban spring:

Minima (lembut):

Jarak A = 19.0 mm (0.75 in)

Standard:

Jarak A = 16.0 mm (0.63 in)

Maksima (keras):

Jarak A = 4.0 mm (0.16 in)

4


Memulih daya kuasa damping

Pemulihan daya damping hanya dilaraskan pada cabang kaki depan sahaja.

Untuk meningkat pemulihan daya damping dan keraskan daya damping, putar skru penyelarasen kuarah (a). Untuk menurun pemulihan daya damping dan melembutkan daya damping, putar skru penyelarasen kuarah (b).

TIP


Pastikan penyelarasen dibuat pada cabang kanan kaki depan.



1. Jarak A

Alatan Dan Fungsi Kawalan

4



1. Skru penyelarasan pemulihan daya damping

Pemulihan daya damping:

Minima (lembut):

11 klik kearah (b)*

Standard:

11 klik kearah (b)*

Maksima (keras):

0 klik kearah (b)*

*Dengan knob penyelarasan diputar penuh kearah (a)

Mampatan daya damping

Pemampatan daya damping hanya dilaraskan pada cabang kaki depan sahaja.


Untuk meningkat pemampatan daya damping dan keraskan daya damping, putar skru penyelarasan kearah (a).

Untuk menurun pemampatan daya

damping dan melembutkan daya damping, putar skru penyelarasan kearah (b).

TIP

Pastikan penyelenggaraan dibuat pada cabang depan kaki kiri.



1. Skru penyelarasan pemampatan daya damping

Mampatan daya damping:

Minima (lembut):

11 klik kearah (b)*

Standard:

11 klik kearah (b)*

Maksima (keras):

0 klik kearah (b)*

*Dengan skru penyelarasan diputar penuh kearah (a)

TIP

- Walaupun jumlah klik penyelarasan mekanisma daya damping tidak setimpal specifikasi diatas adalah disebabkan sedikit berbezaan semasa pembuatan, jumlah klik yang sebenar mewakili semua rangkaian penyelarasan. Untuk mendapat penyelarasan yang tepat, selalu memantau jumlah klik bagi setiap satu dan membuat pemulihan jika perlu.
- Apabila memusing penyelarasan daya damping ke arah (a), klik posisi O dan klik posisi 1 mungkin adalah sama.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

Penyalaranan penyerap hentak


Penyerap hentak ini dilengkapi dengan cincin penyalaranan beban spring dan skru penyalaranan pemulihian daya damping.

PERHATIAN

Untuk mengelakkan dari kerosakan mekanismanya, jangan putar lebih dari paras maksima atau minima.

Beban spring

Untuk meningkatkan beban spring dan mengkeras suspensi, putar cincin penyalaranan ke arah (a). Untuk mengurangkan beban spring dan melembutkan suspensi, putar cincin penyalaranan ke arah (b).



1. Cincin penyalaranan beban spring
2. Alat wrench khas
3. Bar sambungan
4. Penunjuk posisi

- Laraskan notch yang bersesuaian kepada cincin penyalaranan dengan penunjuk kedudukan pada penyerap hentak.
- Gunakan wrench khas dan bar sambungan yang terdapat di dalam kit alatan pemilik untuk membuat penyalaranan.

Tetapan beban spring:

Minima (lembut):

1

Standard:


4

Maksima (keras):

7

Pemulihan daya damping

Untuk meningkat tetapan daya damping dan keraskan daya damping, putar skru penyalaranan kearah (a). Untuk menurun tetapan daya damping dan melembutkan daya damping, putar skru penyalaranan kearah (b).



1. Skru penyalaranan untuk tetapan daya damping.

Tetapan pemulihian damping:

Minima (lembut):

3 pusingan kearah (b)*

Standard:

1 1/2 pusingan kearah (b)*

Maksima (keras):

Skru penyalaranan dipusing sepenuh kearah (a)

* Dengan skru penyalaranan dipusing sepenuhnya kearah (a)

Alatan Dan Fungsi Kawalan

TIP

Untuk mendapat penyelarasan yang tepat, selalu memantau jumlah klik bagi setiap satu mekanisma penyelarasan daya damping. Penyelarasan ini mungkin tidak setimpal specifikasi kerana terdapat sedikit berbezaan semasa pembuatan.

4

AMARAN

Penyerap hentak ini mengandungi gas nitrogen tekanan tinggi. Membaca dan memahami maklumat berikut sebelum penyelenggaraan penyerap hentak.

- Jangan mengusik atau cuba untuk membuka pemasangan silinder.
- Jangan letak penyerap hentak berdekatan dengan api atau tempat yang sangat panas. Kepanasan yang tinggi boleh menyebabkan ia meletup kerana tekanan gas yang berlebihan.
- Jangan ketuk sampai berubah bentuk atau merosakkan silinder dengan cara apapun. Kerosakan silinder akan menghasilkan daya damping yang tidak memenuhi.

- Jangan buang penyerap hentak yang rosak sendiri. Hantar penyerap hentak ke wakil Yamaha untuk setiap perkhidmatan.

Tali pemegang bagasi



1. Tali pemegang bagasi

Tali pemegang bagasi terletak disetiap tapak kaki penumpang.

Alatan dan fungsi kawalan

Tambahan penyambung DC

Motosikal ini dilengkaki dengan penyambung DC dan penyambung pemegang haba DC. Dapatkan bantuan wakil Yamaha sebelum sebarang pemasangan alatan hendak dibuat.

Pangsi sisi

Pangsi sisi ini terletak di sisi kiri motosikal. Naikkan pangsi sisi atau turunkannya dengan kaki anda sambil memegang tegak motosikal.

Oleh kerana itu, periksa sistem ini selalu dan dapatkan wakil Yamaha untuk memperbaikinya jika ia tidak berfungsi dengan sempurna.

TIP

Suis pangsi sisi adalah sebahagian daripada permotongan sistem litar injak, yang melarang motosikal dari di hidupkan dalam situasi tertentu. (Lihat perenggan yang seterusnya untuk penjelasan dari permotongan sistem litar injak).

AMARAN

Motosikal ini tidak boleh ditunggang apabila pangsi sisi di turunkan atau jika pangsi sisi tidak boleh di naikkan dengan sempurna. Jika tidak ia boleh menyentuh permukaan tanah dan mengganggu pengguna dan mengakibatkan kemungkinan kehilangan kawalan. Sistem permotongan litar injak Yamaha telah direka khas untuk membantu penunggang dalam memenuhi tanggung jawab untuk memastikan pangsi sisi dinaikkan sebelum menunggang motosikal anda.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

4

Sistem permotongan litar injak

Rangkaian permotongan sistem litar injak (terdiri daripada suis pangsi sisi, suis pencengkam dan suis neutral) memiliki fungsi seperti berikut.

- Ini akan mencegah motosikal dari dihidupkan ketika berada dalam gear dan pangsi sisi sudah naik, tapi tuil pencengkam tidak ditarik.
- Ini akan mencegah motosikal dari dihidupkan ketika berada dalam gear dan tuil pencengkam ditarik, tetapi pangsi sisi masih diturunkan.
- Ini akan menghentikan enjin ketika transmisi berada dalam gear dan pangsi sisi diturunkan.

Selalu periksa operasi permotongan sistem litar injak mengikut prosedur berikut.

Alatan Dan Fungsi Kawalan

4

Dengan enjin dimatikan:

1. Pindah pangsi sisi ke bawah.
2. Pastikan bahawa suis mula/berhenti enjin ditetapkan ke "○".
3. Putar kunci kepada ON.
4. Pindah transmisi ke kedudukan neutral.
5. Tekan "(S)" di tepi suis mula/suis enjin berhenti.

Adakah enjin bermula?

YA TIDAK

Dengan enjin masih berjalan:

6. Pindah pangsi sisi ke atas.
7. Pastikan tuil pencengkam ditarik.
8. Pindah transmisi ke gear.
9. Pindah pangsi sisi ke bawah.

Adakah enjin berhenti?

YA TIDAK

Setelah enjin berhenti:

10. Pindah pangsi sisi berdiri.
11. Pastikan tuil pencengkam ditarik.
12. Tekan "(S)" di tepi suis mula/suis enjin berhenti.

Adakah enjin bermula?

YA TIDAK

Sistem ini OK. **Motosikal boleh ditunggang.**

AMARAN

Jika kerosakan direkodkan, dapatkan wakil Yamaha untuk periksa sistem sebelum menunggang.

Suis neutral mungkin tidak berfungsi dengan betul. **Motosikal tidak boleh ditunggang** sehingga diperiksa oleh wakil Yamaha.

Suis pangsi sisi mungkin tidak berfungsi dengan betul. **Motosikal tidak boleh ditunggang** sehingga diperiksa oleh wakil Yamaha

Suis pencengkam mungkin tidak berfungsi dengan betul. **Motosikal tidak boleh ditunggang** sehingga diperiksa oleh wakil Yamaha.

Untuk Keselamatan – Permeriksaan Sebelum Kendalian

Memeriksa motosikal anda setiap kali menggunakananya untuk memastikan ia dalam keadaan operasi yang selamat. Selalu mengikuti prosedur pemeriksaan dan penyelenggaraan mengikut jadual seperti didalam buku pengguna.

AMARAN

Kegagalan untuk menyemak atau menjaga motosikal anda dengan betul meningkatkan kemungkinan kemalangan atau kerosakan peralatan. Jangan gunakan motosikal anda jika terdapat masalah. Jika masalah tidak boleh diperbaiki dengan prosedur yang ditentukan dalam buku pengguna ini, dapatkan motosikal anda diperiksa oleh wakil Yamaha.

Sebelum menggunakan motosikal ini, periksa perkara berikut:

5

| PERKARA | PEMERIKSAAN | MUKASURAT |
|--------------|---|------------|
| Bahan api | <ul style="list-style-type: none">Periksa paras bahan api di dalam tangki.Mengisi bahan api jika perlu.Periksa saluran bahan api untuk kebocoran.Periksa hos bernafas tangki bahan api dan hos melimpah untuk penghalangan, retak atau rosak, dan periksa sambungan hos. | 4-17, 4-19 |
| Minyak enjin | <ul style="list-style-type: none">Periksa paras minyak enjin.Jika perlu, tambah minyak yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan.Periksa motosikal untuk kebocoran minyak | 7-12 |
| Penyejuk | <ul style="list-style-type: none">Periksa paras penyejuk dalam takungan.Jika perlu, tambah penyejuk yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan.Periksa sistem penyejuk untuk kebocoran. | 7-15 |
| Brek hadapan | <ul style="list-style-type: none">Periksa operasi.Jika lembut atau kenyal, dapatkan wakil Yamaha untuk bleed sistem hidrolik.Periksa kehausan pada pad brek.Gantikan jika perlu.Periksa paras cecair brek dalam takungan.Jika perlu, tambah cecair brek yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan.Periksa sistem hidrolik untuk kebocoran. | 7-24 |

Untuk Keselamatan – Permeriksaan Sebelum Kendalian

| PERKARA | PEMERIKSAAN | MUKASURAT |
|--------------------------|---|------------|
| Brek belakang | <ul style="list-style-type: none"> • Periksa operasi. • Jika lembut atau kenyal, dapatkan wakil Yamaha untuk bleed sistem hidrolik. • Periksa kehausan pada pad brek. • Gantikan jika perlu. • Periksa paras cecair brek dalam takungan. • Jika perlu, tambah cecair brek yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan. • Periksa sistem hidrolik untuk kebocoran. | 7-24 |
| Pencengkam | <ul style="list-style-type: none"> • Periksa operasi. • Lincirkan kabel jika perlu. • Periksa gerak bebas tuil. • Laraskan jika perlu. | 7-22 |
| Pemegang pendikit | <ul style="list-style-type: none"> • Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Periksa gerak bebas pemegang pendikit. • Jika perlu, dapatkan wakil Yamaha untuk laraskan gerak bebas, lincirkan kabel dan pemegang pendikit. | 7-19 7-29 |
| Kabel kawalan | <ul style="list-style-type: none"> • Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Lincirkan jika perlu. | 7-28 |
| Rantai pemacu | <ul style="list-style-type: none"> • Periksa kelonggaran rantai • Laraskan jika perlu. • Periksa keadaaan rantai. • Lincirkan jika perlu. | 7-26, 7-28 |
| Roda dan tayar | <ul style="list-style-type: none"> • Periksa untuk kerosakan • Periksa keadaan dan kehausan bunga tayar. • Periksa tekanan angin. • Baiki jika perlu. | 7-19, 7-22 |
| Brek dan pedal penukaran | <ul style="list-style-type: none"> • Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Lincirkan paksi pedal brek jika perlu. | 7-29 |
| Brek dan tuil pencengkam | <ul style="list-style-type: none"> • Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Lincirkan tuil paksi jika perlu. | 7-30 |
| Pangsi Tengah | <ul style="list-style-type: none"> • Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Lincirkan paksi jika perlu. | 7-30 |

Untuk Keselamatan – Permeriksaan Sebelum Kendalian

| PERKARA | PEMERIKSAAN | MUKASURAT |
|---------------------------------------|---|-----------|
| Pengetat rangka | <ul style="list-style-type: none">Pastikan semua nat, bolts dan skru diketatkan dengan kemas.Ketatkan jika perlu. | — |
| Alatan, lampu, lampu isyarat dan suis | <ul style="list-style-type: none">Periksa operasinya.Baiki jika perlu. | — |
| Suis pangsi sisi | <ul style="list-style-type: none">Periksa operasi sistem permotongan litar injakJika sistem tidak berfungsi dengan betul dapatkan wakil Yamaha untuk periksa motosikal anda. | 4-25 |

Operasi Dan Panduan Penting Penunggangan

Baca Buku Panduan Pengguna untuk menjadi akrab dengan semua kawalan. Jika terdapat kawalan atau fungsi yang anda tidak mengerti, mintalah bantuan wakil Yamaha.

AMARAN

Kegagalan untuk membiasakan diri dengan kawalan boleh menyebabkan kehilangan kawalan motosikal dan mungkin akan menyebabkan kemalangan dan kecederaan.

TIP

Model ini dilengkapi dengan:

- Satu sudut bersandar sensor untuk menghentikan enjin dalam kes terbalik. Dalam hal ini, unit meter fungsi berbagai akan menyala, tetapi ini bukan melambangkan kerosakan. Pusingkan kunci kepada "OFF" dan kemudian ke "ON" untuk memadam kod kesalahan. Kegagalan untuk melakukannya akan mencegah enjin dari di hidupkan walaupun enjin akan engkol (crank) ketika menekan suis bermula.
- Satu sistem penghentian enjin secara automatik. Enjin akan berhenti secara automatik jika dibiarkan gerak bebas selama 20 minit. Jika enjin berhenti, cuma tekan suis penghidup untuk menghidupkannya.

Menghidupkan enjin

Agar sistem pemotongan litar injak boleh menghidupkan enjin, salah satu syarat berikut harus dipenuhi.

- Transmisi berada dalam kedudukan neutral.
 - Transmisi berada dalam gear dengan tuil pencengkam di tarik dan pangsi sisi di naikkan.
Lihat muka surat 4-26 untuk maklumat lebih lanjut.
1. Putarkan kunci ke "ON" dan pastikan bahawa suis mula/berhenti enjin ditetapkan ke " \bigcirc ".
Lampu amaran dan lampu penunjuk harus menyala untuk beberapa saat dan kemudian terpandam.
 - Lampu amaran paras minyak
 - Lampu amaran suhu penyejuk.
 - Lampu amaran masalah enjin
 - Lampu penunjuk sistem kawalan cengkaman
 - Lampu penunjuk sistem peranti pelumpuhLampu amaran ABS akan menyala apabila suis utama diputarkan ke posisi "ON" dan kemudiannya akan terpadam apabila perjalanan mecatatkan kelajuan 10 km/h (6 mi/h) atau lebih tinggi.

Operasi Dan Panduan Penting Penunggangan

Lampu penukaran shift cepat akan menyala apabila kunci dipusing ke posisi "ON", dan akan berkekalan walaupun enjin dihidupkan.

PERHATIAN

Untuk memelihara hayat enjin, jangan terlalau menekan kelajuan ketika enjin masih sejuk


PERHATIAN

Jika lampu amaran tidak menyala seperti yang terangkan diatas, sila rujuk mukasurat 4-5 untuk penjelasan tentang litar lampu penunjuk.

6

2. Tukar transmisi ke kedudukan neutral. Lampu penunjuk neutral seharusnya hidup. Jika tidak, mintalah bantuan wakil Yamaha untuk periksa litar elektrik.
3. Hidupkan enjin dengan menekan ditepi suis "S" bermula/berhenti. Jika enjin tersebut gagal dihidupkan, lepaskan suis bermula/berhenti, tunggu beberapa saat, dan kemudian mencuba lagi. Setiap usaha harus sesingkat yang mungkin untuk mengekalkan kuasa bateri. Jangan cuba hidupkan enjin lebih daripada 10 saat pada setiap kali.

Penukaran gear



1. Pedal penukaran
2. Posisi neutral

Penukaran gear membolehkan anda mengawal jumlah kuasa enjin yang sedia untuk bermula jalan, mempercepatkan, mendaki bukit, dan sebagainya. Posisi gear ditunjukkan pada rajah diatas.

TIP

Untuk penukaran gear ke kedudukan neutral, tekan pedal penukaran ke bawah berulang kali sehingga mencapai penhujung, dan kemudian sedikit menaikkannya.

Operasi Dan Panduan Penting Penunggangan

PERHATIAN

- Walaupun transmisi berada di gear neutral, jangan tolak motosikal untuk jarak jauh mahupun enjin sudah dimatikan. Transmisi hanya akan dilincirkan ketika enjin sedang berjalan. Pelinciran yang tidak mencukupi boleh merosakkan transmisi.
- Kecuali apabila hendak menaikkan penukaran sistem shift cepat. Selalu gunakan pencengkam untuk penukaran gear supaya mengelakkan dari kerosakan pada enjin, transmisi dan drive train kerana ia tidak direka untuk menahan kuasa paksa penukaran gear.

Tip-tip untuk mengurangkan penggunaan bahan api

Penggunaan bahan api dengan banyak bergantung pada cara anda menunggang. Pertimbangkan tip-tip berikut untuk mengurangkan penggunaan bahan api:

- Menukar gear dengan cepat, dan mengelakkan kelajuan enjin tinggi semasa memecut.
- Jangan menekan kelajuan enjin semasa menurunkan gear ke bawah dan mengelakkan kelajuan enjin tinggi tanpa beban pada enjin.
- Matikan enjin dan jangan biarkan enjin untuk gerak bebas bagi jangka masa yang lama (contohnya, dalam kesesakan lalu lintas, lampu persimpangang lalu lintas atau di perlintasan kereta api).

Pemulaan pengoperasian enjin

Tidak yang lebih penting untuk jangka hayat enjin dalam masa tempoh antara 0 dan 1600 km (1000 mi). Untuk alasan ini, anda harus membaca bahagian berikut dengan teliti.

Memandangkan enjin masih baru, jangan meletakkan beban yang berlebihan pada masa km 1600 pertama (1000 mi). Bahagian-bahagian di dalam enjin belum dapat memberi keserasian untuk pengoperasian yang cekap. Dalam jangkamasa ini elakkan penggunaan pendikit secara maksimum ataupun perkara-perkara yang boleh menyebabkan enjin menjadi terlalu panas.

6

0–1000 km (0–600 mi)

Elakkan beroperasi lama ke atas 5600r/min. **PERHATIAN:** Setelah 1000 km (600mi) beroperasi, minyak enjin harus ditukar dan kartrij atau elemen penapis minyak diganti.

1000–1600 km (600–1000 mi)

Elakkan beroperasi lama ke atas 6800r/min.

Operasi Dan Panduan Penting Penunggangan

Melebihi 1600 km (1000 mi)

Kini motosikal boleh dikendalikan seperti biasa.

PERHATIAN

- Jauhi kelajuan enjin dari mencapai ke zon merah high-rpm dijangkaligat.
- Jika terdapat masalah enjin dalam janka masa pengoperasian enjin break-in, dapatkan wakil Yamaha untuk periksanya.

6

Meletakkan motosikal

Semasa parkir motosikal, matikan enjin dan keluarkan kunci dari suis utama.

AMARAN

- Kerana enjin dan sistem pembuangan akan menjadi panas, parkir motosikal di tempat yang tidak mudah terkena pejalan kaki atau kanak-kanak.
- Jangan parkir motosikal di lereng bukit atau tanah yang lembut, motosikal mungkin tertumbang, meningkatkan risiko kebocoran bahan api dan kebakaran.
- Jangan parkir dekat rumput atau bahan yang mudah terbakar.

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyelarasan

Pemeriksaan berkala, penyelarasan dan pelinciran dapat menjadikan motosikal anda dalam keadaan yang selamat dan berkecekapan baik. Keselamatan adalah kepentingan bagi semua pemilik. Perkara yang paling penting semasa pemeriksaan, penyelarasan dan pelinciran adalah diterangkan pada mukasurat berikut.

Jarak antara yang diberikan didalam jadual pemeriksaan berkala dan pelinciran adalah panduan am penunggangan secara kebiasaan. Walaubagaimanapun, bergantung kepada keadaan cuaca, pemukaan tanah, lokasi geografi dan kegunaan individu, jarak antara penyelenggaraan mungkin perlu dipendekkan.

AMARAN

Gagal untuk menjaga keadaan motosikal anda dengan baik atau penyelenggaran yang tidak betul akan membahayakan anda semasa penggunaan motosikal. Jika tidak biasa dengan kerja-kerja penyelenggaraan, datangkan wakil Yamaha untuk bantuan penyelenggaraan.

AMARAN

Matiakan enjin semasa kerja penyelenggaraan kecuali ditetapkan.

- Enjin yang dihidupkan ada bahagian yang bergerak dan boleh mengheret pada bahagian angota badan kita. Bahagian elektrik pula dapat buat kejutan dan mungkin terjadi api.
- Enjin yang dihidupkan semasa kerja penyelenggaraan boleh menyebabkan kecederaan kepada mata, terbakar, api atau keracunan karbon monoxide dan mungkin menyebabkan kematian. Lihat muka-surat 1-2 untuk penjelasan keracunan karbon monoxide.


AMARAN

Cekara brek, kalipers, drums dan bahagian kekasut brek akan menjadi panas semasa kegunaan. Untuk mengelakkan dari terbakar, sejukkan bahagian brek sebelum menyentuh.

Penjagaan perlepasan gas bukan hanya dapat mempastikan udara yang lebih bersih tetapi enjin juga dapat berfungsi dengan lebih baik dan berkuasa. Didalam carta penyelenggaraan, kerja-kerja penjagaan perlepasan gas dikumpulkan secara berasingan. Kerja ini memerlukan kepakaran, data dan peralatan yang sesuai. Kerja-kerja penyelenggaraan penjagaan perlepasan gas dapat dibuat oleh mana-mana pihak atau individu yang diitirafkan. Wakil Yamaha telah dilantik dan mempunyai keralahtan yang sesuai untuk tugas ini.

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyelarasan

Beg alatan pemilik



1. Beg alatan pemilik

Beg alatan pemilik dan alatan lain pun terletak di bawah tempat duduk (lihat m/s 4-20).

7

Panduan penyelenggaraan didalam buku panduan ini dan alatan yang disediakan di dalam beg alatan pemilik adalah bertujuan untuk anda membuat kerja penyelenggaraan atau kebaikan kerosakan kecil sahaja. Tetapi alatan tambahan seperti torque wrench juga diperlukan untuk membuat kerja-kerja penyelenggaraan lain dengan betul.

TIP

Jika tidak mempunyai alatan atau pengalaman tentang kerja-kerja khusus, dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk membuatnya.

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyelarasan

TIP

- Pemeriksaan tahunan perlu dilakukan setiap tahun, kecuali jika penyelenggaraan berpandukan jarak kilometer atau untuk negara UK, penyelenggaraan berpandukan jarak batu akan dilakukan.
- Setelah mencapai 50,000 km (30,000 mi), ulangi jadual penyelenggaraan bermula dari 10,000 km (6,000 mi).
- Tanda * perlu dilakukan oleh wakil Yamaha kerana penggunaan alatan khas, data dan kemahiran teknikal.

Carta penyelenggaraan berkala untuk sistem kawalan perlepasan gas.

| NO. | PERKARA | KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAAN | Bacaan Jangkaligat Jumlah | | | | | Pemeriksaan Tahunan |
|-----|--------------------------------|---|----------------------------|--------------------|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|
| | | | 1000 km (600 mi) | 10000 km (6000 mi) | 20000 km (12000 mi) | 30000 km (18000 mi) | 40000 km (24000 mi) | |
| 1 * | Saluran bahan api | <ul style="list-style-type: none">• Periksa hos bahan api untuk kerosakan atau retak.• Gantikan jika perlu. | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| 2 * | Palam pencucuh | <ul style="list-style-type: none">• Periksa keadaan.• Bersih dan laraskan kedudukan jarak.• Gantikan. | | ✓ | | ✓ | | |
| 3 * | Pelepasan injap | <ul style="list-style-type: none">• Periksa dan laraskan.• Periksa gerak bebas injap. | Setiap 40000 km (24000 mi) | | | | | |
| 4 * | Injap bahan api | <ul style="list-style-type: none">• Periksa dan laraskan bersesuaian. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| 5 * | Sistem ekzos | <ul style="list-style-type: none">• Periksa kebocoran.• Ketatkan jika perlu.• Gantikan kasket jika perlu. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | |
| 6 * | Sistem kawalan penyerapan asap | <ul style="list-style-type: none">• Periksa kerosakan sistem kawalan.• Gantikan jika perlu. | | | ✓ | | ✓ | |

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyelarasan

| NO. | PERKARA | KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAAN | Bacaan Jangkaligat Jumlah | | | | | Pemeriksaan Tahunan |
|-----|---------|---|---|-----------------------|------------------------|------------------------|------------------------|------------------------|
| | | | 1000 km (600 mi) | 10000 km (6000 mi) | 20000 km (12000 mi) | 30000 km (18000 mi) | 40000 km (24000 mi) | |
| 7 | * | Sistem rangsangan udara | <ul style="list-style-type: none">• Periksa injap penutupan udara, injap reed dan hos untuk kerosakan.• Gantikan alatan yang rosak jika perlu. | | √ | √ | √ | √ |

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyalarasan

| NO. | PERKARA | KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAAN | Bacaan Jangkaligat Jumlah | | | | | Pemeriksaan Tahunan | |
|------|-------------------------------|--|----------------------------|--------------------|---------------------|---------------------|---------------------|----------------------------|--|
| | | | 1000 km (600 mi) | 10000 km (6000 mi) | 20000 km (12000 mi) | 30000 km (18000 mi) | 40000 km (24000 mi) | | |
| 1 * | Sistem pemeriksaan diagnostik | <ul style="list-style-type: none"> Pemeriksaan dinamik dengan menggunakan alatan diagnostik Yamaha. Memeriksa kesilapan kod. | √ | √ | √ | √ | √ | √ | |
| 2 * | Elemen penapis udara | <ul style="list-style-type: none"> Gantikan | Setiap 40000 km (24000 mi) | | | | | | |
| 3 | Pencengkam | <ul style="list-style-type: none"> Periksa operasinya. Laraskan. | √ | √ | √ | √ | √ | | |
| 4 * | Brek depan | <ul style="list-style-type: none"> Periksa operasi, paras cecair dan kebocoran cecair brek. Gantikan pad brek jika perlu. | √ | √ | √ | √ | √ | √ | |
| 5 * | Brek belakang | <ul style="list-style-type: none"> Periksa operasi, paras cecair dan kebocoran cecair brek. Gantikan pad brek jika perlu. | √ | √ | √ | √ | √ | √ | |
| 6 * | Hos brek | <ul style="list-style-type: none"> Periksa untuk retak atau rosak. Gantikan | | √ | √ | √ | √ | √ | |
| 7 * | Cecair brek | <ul style="list-style-type: none"> Gantikan | Setiap 4 tahun | | | | | | |
| 8 * | Roda | <ul style="list-style-type: none"> Periksa kehausan dan kerosakan. Gantikan jika perlu. | | √ | √ | √ | √ | | |
| 9 * | Tayar | <ul style="list-style-type: none"> Periksa kedalaman bunga tayar dan kerosakan. Gantikan jika perlu. Periksa tekanan udara. Laraskan jika perlu. | | √ | √ | √ | √ | √ | |
| 10 * | Galas roda | <ul style="list-style-type: none"> Periksa kelonggaran atau kerosakan pada galas. | | √ | √ | √ | √ | | |
| 11 * | Galas paksi swingarm | <ul style="list-style-type: none"> Periksa kendalian dan kelonggaran semasa operasi. Lincirkan dengan gris berdasarkan lithium-soap. | | √ | √ | √ | √ | Setiap 50000 km (30000 mi) | |

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyelarasan

| NO. | PERKARA | KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAAN | Bacaan Jangkaligat Jumlah | | | | | Pemeriksaan Tahunan |
|------|----------------------------|---|---|-----------------------|------------------------|------------------------|------------------------|------------------------|
| | | | 1000 km (600 mi) | 10000 km (6000 mi) | 20000 km (12000 mi) | 30000 km (18000 mi) | 40000 km (24000 mi) | |
| 12 | Rantai pamacu | <ul style="list-style-type: none"> Periksa kekenduran, kelurusian dan keadaan rantai Laraskan dan lincirkan rantai dengan perlincir khas O-ring | Setiap 1000 km (600 mi) dan selepas membasuh motosikal atau menunggangnya dalam keadaan basah atau hujan. | | | | | |
| 13 * | Galas stereng | <ul style="list-style-type: none"> Periksa kelancaran penggerakkan galas untuk kelonggaran. Lincirkan dengan gris yang berasaskan lithium-soap | √ | √ | | √ | | √ |
| 14 * | Pengetat rangka | <ul style="list-style-type: none"> Pastikan kesemua nat, bolt dan skru diikat kemas | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 15 | Tuil brek paksi | <ul style="list-style-type: none"> Lincirkan dengan gris silicon. | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 16 | Pedal brek paksi | <ul style="list-style-type: none"> Lincirkan dengan gris berasaskan lithium-soap. | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 17 | Tuil pencengkam paksi | <ul style="list-style-type: none"> Lincirkan dengan gris berasaskan lithium-soap. | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 18 | Pedal penukaran gear paksi | <ul style="list-style-type: none"> Lincirkan dengan gris berasaskan lithium-soap. | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 19 | Pangsi sisi | <ul style="list-style-type: none"> Periksa operasi. Lincirkan dengan gris berasaskan lithium-soap. | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 20 * | Suis pangsi sisi | <ul style="list-style-type: none"> Periksa operasi dan gantikan jika perlu. | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| 21 * | Cabang depan | <ul style="list-style-type: none"> Periksa operasi dan kebocoran. Gantikan jika perlu. | √ | √ | √ | √ | √ | |
| 22 * | Penyerap hentak | <ul style="list-style-type: none"> Periksa operasi dan kebocoran. Gantikan jika perlu. | √ | √ | √ | √ | √ | |

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyalarasan

| NO. | PERKARA | KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAAN | BACAAN JANGKALIGAT JUMLAH | | | | | PEMERIKSAAN TAHUNAN |
|----------------|---|---|---------------------------|-----------------------|------------------------|------------------------|------------------------|---------------------|
| | | | 1000 km (600 mi) | 10000 km (6000 mi) | 20000 km (12000 mi) | 30000 km (18000 mi) | 40000 km (24000 mi) | |
| 23 * | Lengan suspensi belakang dan paksi lengan sambungan | • Periksa operasi. | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | |
| 24 | Minyak enjin | • Tukar (panaskan enjin sebelum penukaran). • Periksa paras minyak dan kebocoran. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| 25 | Elemen penapis minyak | • Gantikan. | ✓ | | ✓ | | ✓ | |
| 26 * | Sistem Penyejukan | • Periksa paras penyejuk dan kebocoran. • Tukarkan. | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Setiap 3 tahun | | | | | | | | |
| 27 * | Suis depan dan belakang brek | • Periksa operasi. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| 28 * | Bahagian bergerak dan kabel | • Lincirkan. | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| 29 * | Perlengkapan pemegang pendikit dan kabel | • Periksa operasi dan gerak bebas. • Periksa pendikit gerak bebas dan laraskan jika perlu. • Lincirkan kable dan pemegang pendikit. | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| 30 * | Lampu isyarat dan suis | • Periksa operasi. • Laraskan lampu depan. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyelarasan


TIP

- Penapis udara
 - Motosikal ini dilengakpi dengan kertas elemen berminyak pakai buang dan tidak harus dibersihkan dengan udara tekanan tinggi untuk dielakkan dari kerosakan.
 - Penapis udara perlu digantikan selalu sekiranya sering melalui tempat-tempat yang berdebu dan berair.
 - Penyelenggaraan brek hidrolik
 - Selalu periksa paras cecair brek dan jika perlu tambahkannya.
 - Setiap 2 tahun gantikan komponen-komponen dalaman brek silinder utama dan tukarkan cecair brek
 - Gantikan hos brek setiap 4 tahun, jika terdapat kerosakan atau rekahan.
-

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyelarasan

Menanggal dan memasang panel

Panel perlu ditanggalkan untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan yang akan dibincangkan dalam bahagian ini. Rujuk pada bahagian ini setiap kali penutup dan panel perlu ditanggalkan dan dipasang.




1. Panel A
2. Panel B

Panel A

Untuk menanggalkan panel

1. Keluarkan bolt, sesendal dan pengikat cepat.



1. Bolt
2. Sesendal
3. Panel A
4. Pengikat cepat

TIP

Mengeluarkan pengikat cepat dengan menekan masuk pin tengah dan kemudian menariknya keluar.


2. Tarik panel seperti yang ditunjukkan.



Untuk memasang panel

1. Letakkan panel pada posisi asalnya.
2. Pasangkan sesendal, bolt dan pengikat cepat.


7



TIP

Memasang pengikat cepat dengan menolak keluar pin tengah, pasang pengikat ke dalam panel dan menolak pin tengah dengan kepala pengikat.

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyalarasan




Panel B

Untuk menanggalkan panel


1. Keluarkan bolt dan sesendal.

7



1. Bolt
2. Sesendal

2. Tarik keluar seperti ditunjukkan.



1. Panel B

Untuk memasang panel

Letakkan panel di posisi asalnya dan kemudian pasangkan sesendal dan bolt.

Pemeriksaan palam pencucuh

Palam pencucuh adalah bahagian penting dalam enjin dan perlu diperiksa selalu. Memandangkan haba dan kekotoran akan menyebabkan palam pencucuh perlakan-lahan terhakis, ia harus diperiksa dan diganti dengan merujuk kepada rajah penyelenggaraan dan pelinciran berkala. Selain itu, keadaaan palam pencucuh boleh memberitahu kita keadaan enjin.


Penebat porselin di tengah elektrod palam pencucuh perlu berwarna kelabu yang sedikit cerah (warna ini biasanya untuk motosikal yang ditunggang dengan keadaan biasa). Jika palam pencucuh menunjukkan warna yang berlainan, enjin motosikal mungkin bermasalah. Jangan membaikinya sendiri, sebaliknya dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

Jika palam pencucuh menunjukkan tanda kehakisan elektrod dan diliputi dengan lapisan karbon yang banyak, ia mestilah digantikan.

Spesifikasi palam pencucuh:
NGK/CPR9EA9

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyalarasan

Sebelum memasang palam pencucuh, celah palam pencucuh harus diukur dengan alat ukuran ketebalan (wire thickness gauge) dan, jika perlu, dilaraskan kepada spesifikasi.



1. Celah palam pencucuh

Celah palam pencucuh:

0.8–0.9 mm (0.031–0.035 in)

Bersihkan permukaan kasket palam pencucuh dan permukaannya, dan kemudian bersihkan kotoran dari benang spark plug.

Tork pengetatan:

Palam pencuch:
13 N·m (1.3 kgf·m, 9.4 lb·ft)

TIP


Jika tiada terdapat spana pengukur tork

semasa memasang palam pencucuh, anggaran yang baik adalah 1/4 - 1/2 pusingan selepas diketatkan. Walau bagaimanapun, palam pencucuh harus diketatkan mengikut tork yang ditetapkan secepat mungkin.

PERHATIAN

Jangan menggunakan sebarang peralatan untuk memasang dan menanggalkan penutup palam pencucuh, ini mungkin akan menyebabkan gegelung pencucuh coupler rosak. Penutup palam pencucuh mungkin susah untuk ditanggalkan kerana terdapat bahan getah untuk tujuan pengetatan penutupnya. Untuk menanggalkan penutup palam pencucuh, hanya memusingnya depan dan ke belakang sambil menarik ia keluar. Untuk memasangnya juga memusing ke depan dan ke belakang sambil menekan ia masuk.

Kanister



1. Kanister

2. Pelepasan kanister

Model ini dilengkapi dengan sistem kanister bagi tujuan menghalang perlepasan wap ke persekitaran. Sebelum mengeoperasikan motosikal, pastikan anda sudah memeriksa berikut:

- Memeriksa semua penyambung hos.
- Memeriksa setiap hos dan kanister untuk retakkan atau rosak. Gantikan jika perlu.
- Pastikan perlepasan kanister tidak tersangkut serta bersihkannya jika perlu.

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyalarasan

Minyak enjin dan elemen penapis minyak enjin

Paras minyak enjin harus diperiksa sebelum menaiki motosikal. Selain itu, minyak enjin harus ditukar dan elemen penapis minyak diganti mengikut masa yang ditentukan didalam carta penyelenggaraan berkala dan pelinciran.


Memeriksa paras minyak enjin

1. Letakkan motosikal di posisi rata dan memegangnya ke posisi tegak. Jika condong sedikit ke tepi boleh menyebabkan pembacaan salah.
2. Hidupkan enjin, panaskan enjin untuk beberapa minit, dan kemudian matikannya.
3. Tunggu beberapa minit sampai minyak mengendap. Kemudian periksa paras minyak melalui tingkap memeriksa paras minyak yang terletak di bahagian kanan bawah crankcase.

7

TIP


Minyak enjin harus di antara paras tahap minimum dan maksimum.



1. Penutup penapis minyak enjin
 2. Tingkap memeriksa paras minyak enjin
 3. Tanda paras maksima
 4. Tanda paras minima
4. Jika minyak enjin berada pada paras di bawah tanda tahap minimum, tambah hingga keparas yang sepatutnya dari jenis yang diluluskan.

TIP

Periksa O-ring untuk sebarang kerossakan dan gantikannya jika perlu.




1. Penutup penapis minyak enjin
2. O-ring

Menukar minyak enjin (dengan atau tanpa penggantian elemen penapis minyak)

1. Letakkan motosikal di permukaan rata.
2. Hidupkan enjin, panaskan untuk beberapa minit, dan kemudian matikannya.
3. Letakkan bekas minyak di bawah enjin untuk mengumpul minyak yang telah terpakai.
4. Tanggalkan penutup minyak enjin, bolt buangan minyak dan kasket untuk mengalirkan minyak dari kotak penghidup.

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyalarasan




1. Bolt minyak enjin buangan
2. Kasket

TIP

Tidak perlu mengikut langkah 5-7, jika tiada pengantian katrij penapis minyak.

5. Keluarkan katrij penapis minyak dengan menggunakan wrench.




1. Wrench penapis minyak
2. Katrij penapis minyak

TIP

Wrench penapis minyak ada terdapat di tempat pengedar Yamaha

6. Sapukan lapisan tipis minyak enjin bersih kepada O-ring untuk elemen penapis minyak baru.




1. O-ring

TIP

Pastikan bahawa O-ring diletak dengan betul.

7. Pasang elemen penapis minyak baru dengan alat wrench penapis minyak, dan kemudian ketatkan kepada tork yang betul dengan menggunakan tork wrench.

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyalarasan



1. Tork wrench

Tork pengetatan:

Katrij penapis minyak:
17 N·m (1.7 kgf·m, 12 lb·ft)

7

- Pasang bolt pembuangan minyak enjin dan kasket baru, dan kemudian ketatkan ke tork yang betul.

Tork pengetatan:

Bolt pembuangan minyak enjin:
43 N·m (4.3 kgf·m, 31 lb·ft)

- Isi jumlah minyak enjin mengikut spesifikasi dan yang disyorkan.

Minyak enjin yang disyorkan:

Lihat m/surat 9-1.

Jumlah minyak:

Penukaran minyak:

2.40 L (2.54 US qt, 2.11 Imp.qt)

Dengan penapis minyak dikeluarkan:

2.70 L (2.85 US qt, 2.38 Imp.qt)


TIP

Pastikan anda membersih tumpahan minyak yang ada setelah enjin dan sistem pembuangan sudah sejuk.

NOTICE

- Untuk mengelakkan pencengkam dari tercincil (sebab minyak enjin juga menlincirkan pencengkam), jangan campur kimia tambahan. Jangan menggunakan minyak dengan spesifikasi diesel daripada "CD" atau minyak yang berkualiti lebih tinggi dari yang ditetapkan. Selain itu, jangan menggunakan minyak yang dilabel "KONSERVASI ENERGI II" atau lebih tinggi.
- Pastikan tidak ada bahan asing memasuki crankcase.

- Periksa O-ring untuk kerosakan dan gantikannya jika perlu.



1. Penutup penapis minyak enjin

2. O-ring

- Pasang dan ketatkan penutup penapis enjin
- Hidupkan enjin dan biarkan ia beroperasi tanpa gerak untuk beberapa minit sementara memeriksa untuk kebocoran minyak. Jika terdapat kebocoran, matikan enjin dan periksa puncanya.

TIP

Setelah enjin dihidupkan, lampu amaran tahap paras akan dipadamkan jika tahap minyak mencukupi.

PERHATIAN

Jika lampu amaran tahap minyak berkelip atau tetap berada disitu

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyelarasan

walaupun minyak enjin mencukupi, terus matikan enjin dan dapatkan wakil Yamaha untuk periksanya.

13. Matikan enjin, tunggu beberapa minit sampai minyak mengendap, dan kemudian periksa paras minyak dan memperbaikinya, jika perlu.

Penyejuk

Paras penyejuk harus diperiksa sebelum menaiki motosikal. Selain itu, penyejuk harus ditukar mengikut jadual penyelenggaraan berkala and pelinciran.

Untuk periksa tahap penyejuk

1. Letakkan motosikal di kawasan rata dan memegang ke posisi tegak.


TIP

- Paras penyejuk harus diperiksa semasa enjin sejuk ini kerana paras penyejuk berbeza mengikut suhu enjin.
- Pastikan motosikal diposisikan tegak ketat ketika memeriksa paras penyejuk. Jika condong sedikit ke tepi akan menghasilkan pembacaan yang salah.

2. Periksa paras penyejuk dalam tangki penyejuk.

TIP

Paras penyejuk patut berada di antara tahap maksimum dan minimum.



1. Tangki Penyejuk


2. Tanda maksima

3. Tanda minima

3. Jika paras penyejuk berada di bawah tahap minimum, keluarkan penutup tangki penyejuk. **AMARAN!** Hanya keluarkan penutup penyejuk saja. Jangan cuba keluarkan penutup radiator apabila enjin masih panas.

Penyelenggaraan Berkala Dan Penyelarasan

7




1. Penutup tangki penyejuk
4. Tambah penyejuk sampai tahap paras maksimum dan kemudian tutupkan penutupnya. **PERHATIAN:** Jika penyejuk tidak tersedia, gunakan air suling atau air paip yang lembut sebagai gantiannya. Jangan gunakan air keras atau air masin kerana ia akan merosakkan enjin. Jika air telah digunakan sebagai gantian penyejuk, tukar dengan penyejuk secepat mungkin jika tidak sistem penyejuk tidak akan dilindungi terhadap embun beku dan hakisan. Jika air telah ditambah ke penyejuk, dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk periksa isi antibeku dari penyejuk secepat mungkin. Jika tidak keberkesanan penyejuk akan berkurangan.

Kapasiti tangki penyejuk (sampai tahap maksima):
0.25 L (0.26 US qt, 0.22 Imp.qt)


Menukar penyejuk

1. Letakkan motosikal di kawasan rata dan biarkan enjin sejuk.
2. Keluarkan panel B. (Lihat m/s 7-9.)
3. Letakkan sebuah bekas di bawah enjin untuk mengumpul cecair penyejuk yang telah digunakan.
4. Keluarkan bolt penahan penutup radiator, penahan penutup radiator dan penutup radiator. **AMARAN!** Jangan mengeluarkan penutup radiator semasa enjin masih panas.




1. Penutup radiator
 2. Bolt pemegang penutup radiator
 3. Penutup pemegang radiator
